



**WBS**  
WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD.

# **DASAR & PELAN TINDAKAN**

**WANITA SELANGOR 2024–2026**

***“Wanita Maju, Selangor Makmur”***







**Copyright © 2024 oleh  
Wanita Berdaya Selangor (WBS) Sdn. Bhd. (1400807-V)**

IDCC Ideal Convention Centre Shah Alam  
Level G30, Jalan Pahat L 15/L,  
Seksyen 15, 40200 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan

# ISI KANDUNGAN

Perutusan YAB Dato' Menteri Besar Selangor.....	iv
Kata Aluan YB Exco Pembangunan Wanita & Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.....	v

<b>PENGENALAN</b> .....	1
Visi, Misi & Prinsip .....	2
Titik Tumpuan Dan Matlamat .....	3

<b>MATLAMAT 1: MENGGALAKKAN KERANGKA PEMBANGUNAN YANG PEKA GENDER</b>	
Konteks, Cabaran, Aspek Penambahbaikan.....	4
Pelan Tindakan .....	6

<b>MATLAMAT 2: MENINGKATKAN STATUS SOSIO-EKONOMI DAN AUTONOMI WANITA YANG TERPINGGIR</b>	
Konteks, Cabaran, Aspek Penambahbaikan.....	11
Pelan Tindakan.....	13


<b>MATLAMAT 3: MERAPATKAN JURANG GENDER DI SEMUA PERINGKAT DAN ASPEK PASARAN BURUH</b>	
Konteks, Cabaran, Aspek Penambahbaikan.....	17
Pelan Tindakan.....	21

<b>MATLAMAT 4: MEMPERCEPATKAN PENYERTAAN, PERWAKILAN DAN PEMBUATAN KEPUTUSAN DALAM KEHIDUPAN AWAM DAN POLITIK DALAM KALANGAN WANITA</b>	
Konteks, Cabaran, Aspek Penambahbaikan.....	25
Pelan Tindakan.....	28

<b>MATLAMAT 5: MENINGKATKAN KESIHATAN, KESEJAHTERAAN DAN MOBILITI WANITA</b>	
Konteks, Cabaran, Aspek Penambahbaikan.....	31
Pelan Tindakan.....	34

<b>MATLAMAT 6: MENGGALAKKAN PENYEDIAAN PERSEKITARAN SELAMAT KEPADA WANITA</b>	
Konteks, Cabaran, Aspek Penambahbaikan.....	39
Pelan Tindakan.....	44

<b>MATLAMAT 7: MEMUPUK BAKAT KREATIF, BUDAYA DIGITALISASI DAN INOVASI</b>	
Konteks, Cabaran, Aspek Penambahbaikan.....	48
Pelan Tindakan.....	51





**YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI**  
Dato' Menteri Besar Selangor

## PERUTUSAN

Isu melibatkan wanita seperti isu beban kerja wanita, ketaksaksamaan gaji pekerja wanita, keseimbangan keluarga dan kerjaya, pengasuhan anak-anak dan keganasan rumah tangga merupakan isu “evergreen” yang terbenam sejak sekian lama dalam masyarakat. Isu-isu ini telah berakar sejak zaman-berzaman namun kita dapat lihat pandemik memburukkan lagi keadaan.

Di Selangor, wanita membentuk sebahagian daripada populasi negeri iaitu sejumlah 3.3 juta daripada 7.2 juta penduduk. Maka, tumpuk cabaran ini memerlukan respon dan strategi mitigasi yang berkesan agar wanita Selangor mampu memainkan peranan dan memberikan sumbangan dalam pelbagai aspek meliputi ekonomi, sosial, kepimpinan dan politik.

Selangor telah menetapkan visi menerusi Rancangan Selangor Pertama (RS-1) untuk menjadi negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur menjelang tahun 2025. Kerajaan Negeri Selangor terus komited dalam usaha mendaya upaya wanita demi mencapai matlamat kesaksamaan gender. RS-1 menetapkan tema strategik “Peningkatan Kesejahteraan Hidup dan Keterangkuman Sosial” dengan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diangkat sebagai salah satu daripada enam (6) sektor tumpuan utama.

Oleh itu, Dasar Wanita Selangor yang telah dibangunkan sejak tahun 2017 kini diberi nafas baru dalam bentuk yang lebih segar, sejajar dengan keperluan semasa wanita Selangor dan selari dengan hala tuju negeri.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Puan Anfaal Saari selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga serta seluruh warga Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd. kerana meletakkan keutamaan untuk meneruskan agenda pemberdayaan wanita melalui penghasilan dasar dan pelan tindakan ini.

Saya berharap agar Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026 dapat menjadi sebuah dokumen bergerak dan dinamik yang menjadi tunjang rujukan bagi semua pemegang taruh dalam melaksanakan apa jua program dan inisiatif yang berkaitan dengan pemberdayaan wanita di negeri ini.

# KATA ALUAN

Perjuangan pemberdayaan wanita merupakan perjuangan panjang yang memerlukan pembaharuan dan penambahbaikan secara berterusan. Ahli Falsafah Greek, Heraclitus menyebutkan bahawa *"The only constant in life; is change"*. Satu-satunya yang berterusan adalah perubahan. Kita telah menyaksikan perubahan yang signifikan dalam beberapa tahun terakhir, termasuk peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan usaha untuk menangani ketidakadilan gender.

Walaubagaimanapun, masih banyak kerja yang perlu dilakukan dan kita sebagai wanita perlu terus konsisten dalam mendorong kemajuan dan perubahan positif. Selangor merupakan negeri yang bertuah kerana kepimpinan Kerajaan Negeri menyokong penuh agenda mencapai matlamat kesaksamaan gender dan keadilan sosial.

Sebagai negeri yang maju, negeri Selangor menerusi Rancangan Selangor Pertama (RS-1) tidak hanya menekankan soal pembangunan fizikal semata-mata. Selangor sentiasa menitikberatkan keseimbangan kemajuan dengan pembangunan insan yang terangkum bagi memastikan tidak ada sesiapa yang terpinggir dari arus pembangunan.

Bagi menangani cabaran dan mendepani keperluan semasa wanita, saya merasakan terdapat keperluan mendesak untuk kita mengemaskini kandungan Dasar Wanita Selangor yang dilancarkan pada tahun 2017.

Oleh itu, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor menerusi Wanita Berdaya Selangor telah melaksanakan kajian penilaian yang intensif bagi melihat status dan keberkesanan pelaksanaan pelan yang telah dirangka.

Susulan itu, Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026 telah dibangunkan agar segala strategi bagi agenda pemberdayaan wanita di Selangor sentiasa relevan untuk dilaksanakan oleh pemegang taruh yang berkaitan. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Wanita Berdaya Selangor, Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembikinan dasar ini.

Besar harapan saya agar dokumen ini menjadi rujukan utama yang memayungi dan merangsang segala inisiatif demi kesejahteraan wanita sekaligus dapat menyumbang kepada kemajuan negeri.



**YB PUAN ANFAAL BINTI SAARI**

Pengerusi Jawatankuasa Tetap  
Pemberdayaan Wanita & Keluarga,  
Kebajikan Masyarakat dan  
Ekonomi Penjagaan (Care Economy)

# PENGENALAN

Negeri Selangor telah membangunkan pelbagai dasar yang berfungsi sebagai dokumen rujukan untuk memandu hala tuju, perancangan, strategi negeri, antaranya ialah Dasar Wanita Selangor (DWS). DWS membuktikan Kerajaan Negeri terus memberikan komitmen dan perhatian khusus dalam aspek pemberdayaan wanita sebagaimana yang digariskan dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan 2017-2020 yang telah dilancarkan pada 4 Oktober 2017 menggariskan lima (5) titik tumpu dan tujuh (7) matlamat yang menyentuh setiap aspek dan pembangunan wanita. Pada tahun 2022, Wanita Berdaya Selangor (WBS) sebagai agensi pelaksana utama bagi pemberdayaan wanita di Selangor telah menjalankan Kajian Penilaian DWS dan Pelan Tindakan 2017-2020. Kajian tersebut bertujuan bagi menilai keberkesanan dan impak dasar sepanjang empat (4) tahun pelaksanaannya serta mencadangkan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi mengemaskini Pelan Tindakan Dasar Wanita Selangor bagi tahun seterusnya.

Kajian Penilaian Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan 2017-2020 telah dilakukan secara intensif yang dilaksanakan oleh pihak konsultan yang dilantik. Pengumpulan data dilakukan menerusi soal selidik melibatkan rakyat negeri Selangor secara umum, serta temu bual dan perbincangan kumpulan fokus melibat pelbagai pemegang taruh seperti pembuat dasar, agensi Kerajaan, pihak swasta dan NGO. Hasil penemuan juga ditrangularasikan dengan semakan dokumen serta analisis media sosial.

Berdasarkan kepada hasil penemuan, sebanyak 56.25 peratus (47) pelan tindakan telah berjaya dilaksanakan. Terdapat 35 peratus (28) pelan tindakan masih tidak dilaksanakan. Manakala 8.75 peratus (7) pelan tindakan sedang dilaksanakan secara organik. Di samping pelbagai cabaran yang telah dikenal pasti menjadi kekangan dalam pelaksanaan Pelan Tindakan bagi setiap matlamat secara spesifik, terdapat cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh responden kajian serta pihak konsultan bagi menambah baik dokumen dasar.

Oleh itu, penyediaan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024 - 2026 oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor menerusi Wanita Berdaya Selangor adalah dipandu oleh hala tuju negeri seperti termaktub dalam RS-1 serta ditambah baik dengan mengambil kira syor kajian penilaian serta sejajar dengan keperluan semasa wanita negeri Selangor.



## VISI

Meningkatkan keupayaan dan sumbangan wanita untuk merealisasikan Selangor negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur.

## MISI

“

Memaximumkan potensi dan mempelbagaikan kapasiti wanita bagi pemberdayaan diri dan kolektif ke arah kemajuan sosial dan ekonomi.

“

Meningkatkan kehidupan sosio-ekonomi, kesihatan dan keselamatan wanita.

“

Menaik taraf dan mempercepatkan keupayaan kepimpinan dan pembuatan keputusan wanita.

## PRINSIP

Keadilan gender menjadi tema keseluruhan dasar yang menjunjung prinsip hak asasi sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dasar ini menegakkan kerangka hak-hak wanita dan kesaksamaan gender seperti yang terkandung dalam Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap wanita (*Convention on the Elimination of All Forms Discrimination Against Women - CEDAW*), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing 1995 (*Beijing Declaration and Platform of Action*) dan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals - SDG*) 2015 - 2030. Dasar ini juga memanfaatkan Rancangan Malaysia Ke-12, Dasar Wanita Negara 2021-2025 dan Rancangan Selangor Pertama (RS-1).



# TITIK TUMPUAN DAN MATLAMAT

Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026 terdiri daripada lima (5) titik tumpuan dan tujuh (7) matlamat yang saling berkaitan, diikuti dengan langkah dan tindakan tertentu. Titik tumpuan dan matlamat ini adalah:

## TITIK TUMPUAN 1

### PENGARUSPERDANAAN GENDER DALAM PEMBANGUNAN

#### Matlamat 1:

Menggalakkan kerangka pembangunan yang peka gender

## TITIK TUMPUAN 2

### EKONOMI DAN KEHIDUPAN

#### Matlamat 2:

Meningkatkan status sosio-ekonomi dan autonomi wanita yang terpinggir

#### Matlamat 3:

Merapatkan jurang gender di semua peringkat dan aspek pasaran buruh

## TITIK TUMPUAN 3

### PERWAKILAN DAN KEPIMPINAN

#### Matlamat 4:

Mempercepatkan penyertaan, perwakilan dan pembuatan keputusan dalam kehidupan awam dan politik dalam kalangan wanita

## TITIK TUMPUAN 4

### KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN

#### Matlamat 5:

Meningkatkan kesihatan, kesejahteraan dan mobiliti wanita

#### Matlamat 6:

Menggalakkan penyediaan persekitaran selamat kepada wanita

## TITIK TUMPUAN 5

### KREATIVITI DAN INOVASI

#### Matlamat 7:

Memupuk bakat kreatif, budaya digitalisasi dan inovasi



MATLAMAT 1

# **MENGGALAKKAN KERANGKA PEMBANGUNAN YANG PEKA GENDER**

# KONTEKS

Kesaksamaan gender telah dan terus menjadi agenda utama kepada Matlamat Pembangunan Lestari (*SDGs – Sustainable Development Goals*) bagi mencapai pembangunan yang inklusif dan mampan menjelang 2030. Matlamat akhir agenda ini agar setiap wanita dan gadis menikmati kesaksamaan gender sepenuhnya dari sudut undang-undang, sosial dan ekonomi.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, strategi khusus telah dirangka mengambil kira konteks lokal. Di Malaysia, terdapat Strategi Kesaksamaan Gender (*GES*) 2022 - 2025 yang telah diletakkan di bawah pejabat *United Nations Development Programme* (UNDP). Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) pula telah menggariskan beberapa inisiatif dan program untuk menggalakkan pembangunan sosial dan ekonomi bagi golongan wanita. Bagi menegaskan komitmen Kerajaan Negeri Selangor mencapai matlamat kesaksamaan gender satu pelan yang lebih bersasar dan komprehensif telah dirangka sebagai kesinambungan daripada usaha yang telah dilaksanakan menerusi dokumen Dasar yang lalu.

Terdapat dua strategi penting yang telah diketengahkan bagi memastikan pemahaman, kesedaran dan keperluan gender diterapkan dalam aspek pembangunan negeri Selangor iaitu:

1. Pengarusperdanaan Gender (*GM, Gender Mainstreaming*)
2. Belanjawan Responsif Gender (*GRB, Gender Responsive Budgeting*)

GM adalah strategi untuk memastikan proses tadbir urus dasar di semua peringkat dan di semua tingkat perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian mengambil kira faktor kesaksamaan gender. GRB pula adalah untuk memastikan belanjawan yang dibangunkan, dilaksanakan dan diagihkan menitikberatkan impak dan kesaksamaan gender. Bagi pelan tindakan susulan 2024-2026, pelaksanaan GM dan GRB akan diteruskan di peringkat negeri Selangor, merentasi institusi, jabatan, agensi kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



**Kerajaan Negeri Selangor komited mewujudkan keseimbangan gender dalam pembentukan dasar dan pembangunan negeri. Projek Pengarusperdanaan Gender (GM) akan dilaksanakan secara holistik bagi membangun ekosistem kehidupan yang lebih baik.”**

– (Menteri Besar Selangor, SelangorTV, 2021)

## CABARAN

Menggalakkan kerangka pembangunan yang peka gender memerlukan usaha dan komitmen yang berterusan dari semua pihak dan pemegang taruh. Menurut Laporan Pembangunan Manusia 2021/2022 yang bertemakan “Ketidaktentuan Masa, Ketidakselesaian Kehidupan”, Indeks Ketaksamaan Gender atau *Gender Inequality Index (GII)* pada peringkat global menunjukkan dapatan nilai yang mendatar pada tahap 0.465 sejak tiga tahun kebelakangan ini. Pada tahun 2022, Malaysia berada di kedudukan 103 daripada 146 negara bagi *GII*, dengan skor 0.681.

Walaupun pencapaian wanita dalam sub-indeks pencapaian pendidikan adalah membanggakan iaitu hampir setanding dengan lelaki (dengan markah 0.995), pemerkasaan politik masih mencatatkan skor terendah pada tahap 0.102 (*United Nations Development Programme, 2023*). Skor tersebut menunjukkan wanita masih ketinggalan berbanding lelaki, khususnya dalam platform politik.

Terdapat jurang partisipasi yang sangat tinggi dalam pembuatan undang-undang dan dasar sekaligus menyebabkan dasar yang diluluskan dan belanjawan yang diperuntukkan tidak mengambil kira sepenuhnya lensa gender, terutamanya golongan wanita sebagai salah satu pihak berkepentingan.

## ASPEK PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan konteks di atas, dapat disimpulkan bahawa ketaksamaan gender masih wujud dan usaha untuk menanganinya perlu giat dilakukan melalui kerangka dasar, polisi dan undang-undang yang berkesan. Peruntukan belanjawan yang saksama mengikut keperluan gender dapat memastikan tiada keciciran sama ada dari perspektif sosial, ekonomi dan politik bagi semua lapisan masyarakat.

Terdapat juga keperluan untuk melihat bagaimana kerajaan mampu menanda aras kemajuan dalam mencapai kesaksamaan gender, juga dalam isu merespon keperluan golongan wanita sewaktu bencana, misalnya kerangka peka gender bagi dasar dan polisi yang dikeluarkan semasa pandemik Covid-19. Indikator seperti Indeks Kesaksamaan/Pembangunan Gender adalah penting bagi memastikan penambahbaikan dapat dilaksanakan untuk mencapai kesaksamaan gender menjelang tahun 2030, selaras dengan strategi kelima di bawah *SDG 2030* iaitu *SDG5 - Kesaksamaan Gender (Gender Equality)*.



# PELAN TINDAKAN

## LANGKAH 1: MEMBANGUN DAN MELAKSANAKAN STRATEGI PENGARUSPERDANAAN GENDER (GM) YANG BERKESAN DAN MENYELURUH DI PERINGKAT DASAR DAN PERANCANGAN KERAJAAN NEGERI DAN TEMPATAN

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
1.1 Meneruskan usaha merangka strategi pengarusperdanaan gender yang meliputi kad skor GM di peringkat agensi dan jabatan kerajaan negeri.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pelan tindakan pengarusperdanaan gender bagi kesemua agensi kerajaan negeri dan tempatan.</li> <li>b. Agensi dan Jabatan yang telah dilatih boleh membantu berkongsi pengalaman dan solusi untuk pengarusperdanaan gender</li> </ul>	Kesemua agensi dan jabatan di peringkat negeri dan kerajaan tempatan menerima pakai dan mengintegrasikan perspektif gender dalam perancangan strategik, pelaksanaan dan penilaian mereka
1.2. Pemantauan dan penilaian dari badan penyelaras pengarusperdanaan gender antara agensi.	Menjalankan mesyuarat tetap untuk memantau dan menilai rancangan pengarusperdanaan gender bagi setiap agensi dan jabatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Badan dengan terma rujukan dibangunkan</li> <li>b. Mesyuarat tetap untuk menilai rancangan pengarusperdanaan gender bagi setiap agensi dan jabatan</li> </ul>
1.3 Membangunkan sistem pecahan jantina (SDD) yang menyeluruh	Melaksanakan sistem pengumpulan data pecahan jantina disemua jabatan dan agensi kerajaan negeri	Penyelarasan yang lancar antara Kerajaan tempatan dan negeri dalam pengumpulan dan analisis data dengan pecahan jantina

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
1.4 Menjana dan menyebarkan maklumat untuk perancangan dan penilaian negeri dan kerajaan tempatan.	Mengumpul dan menganalisis data dengan pecahan jantina.	Penerbitan berkala mengenai statistik dan petunjuk gender.
1.5 Melaksanakan latihan pengarusperdanaan gender dan dasar yang kerap dan pelbagai lapisan kepada semua kakitangan kerajaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bengkel dijalankan.</li> <li>b. Kurikulum dan modul latihan mengenai pengarusperdanaan gender / analisis dihasilkan.</li> </ul>	Pegawai lelaki dan wanita (kerajaan negeri dan tempatan) berpengetahuan dalam kemahiran pengarusperdanaan gender dan analisis dasar.
1.6 Membangunkan Indeks Kesaksamaan/Pembangunan Gender ( <i>GEI, Gender Equality Index/ GDI, Gender Development Index</i> ).	Indikator dan formula ditentukan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. GEI/GDI yang boleh digunakan diperingkat kerajaan negeri.</li> <li>b. Laporan GEI/GDI Selangor.</li> </ul>
1.7 Melawat negara-negara dengan amalan pengarusperdanaan gender yang baik.	Negara yang boleh dilawati (e.g. Australia, Norway, Sweden, Austria, New Zealand).	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pegawai wanita dan lelaki yang terpilih.</li> <li>b. Laporan dan cadangan selepas lawatan.</li> </ul>
1.8 Memastikan semua pembangunan dasar dan program memberi manfaat kepada wanita dan menggalakkan laporan peka gender.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Melakukan kajian impak (pemantauan dan penilaian) bagi program terpilih.</li> <li>b. Memberi latihan untuk penyediaan laporan tahunan yang peka gender.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penerima manfaat mengikut jantina dan identiti.</li> <li>b. Persepsi responden / penerima manfaat.</li> </ul>

## LANGKAH 2: MENGINSTITUSIKAN BELANJAWAN RESPONSIF GENDER DAN PARTISIPATORI (GRPБ)

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
2.1 Merangka <i>road map</i> untuk mengintegrasikan GRPB dalam pengurusan belanjawan negeri.	Dokumen projek GRPB untuk tiga (3) tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. <i>Road Map</i> diterima oleh Kerajaan negeri.</li> <li>b. Jawatankuasa GRPB dibentuk.</li> </ul>
2.2 Merangka <i>road map</i> untuk mengintegrasikan GRPB dalam pengurusan belanjawan kerajaan tempatan.	Dokumen projek GRPB untuk tiga (3) tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. <i>Road Map</i> diterima oleh Kerajaan negeri.</li> <li>b. Jawatankuasa GRPB dibentuk.</li> </ul>
2.3 Melaksanakan projek rintis GRPB di jabatan kerajaan pilihan.	Jabatan untuk projek rintis dipilih.	Melancarkan projek rintis bagi negeri.
2.4 Melaksanakan projek rintis GRPB di kerajaan tempatan (PBT) pilihan.	Kerajaan tempatan untuk projek rintis dipilih.	Melancarkan projek rintis bagi Kerajaan tempatan.
2.5 Melatih kakitangan yang berkaitan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Manual latihan mengenai isu yang mendalam.</li> <li>b. Manual latihan mengenai alat dan metodologi GRPB.</li> <li>c. Jaringan dengan pakar GRB UN Women dan negara dengan amalan baik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bengkel GRPB.</li> <li>b. Pegawai mahir dengan alat dan metodologi GRPB.</li> <li>c. Lawatan oleh pakar GRB UN.</li> <li>d. Terlibat dalam seminar dan Persidangan GRB (bentang kertas kerja).</li> </ul>
2.6 Menyebarkan maklumat GRPB.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Infografik GRPB.</li> <li>b. Artikel atas talian atau media sosial.</li> <li>c. Artikel dalam Selangorkini dan akhbar lain.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Agensi dan orang awam terima maklumat GRPB daripada pelbagai sumber.</li> <li>b. Muat turun pertanyaan.</li> <li>c. Liputan media.</li> </ul>
2.7 Lawatan ke negara yang mempunyai amalan baik dalam GRPB.	Negara yang dikenalpasti	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Jumlah peserta.</li> <li>b. Laporan dan cadangan penambahbaikan selepas lawatan.</li> </ul>

### LANGKAH 3: MENGUKUHKAN PERANAN WANITA DI PERINGKAT AGENSI KERAJAAN TEMPATAN DAN NEGERI

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
3.1 Meningkatkan, menyelaraskan, advokasi, pelaporan dan pemantauan peranan jentera wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pelantikan pegawai gender sensitif dalam badan-badan kerajaan negeri dan tempatan</li> <li>b. Laporan tahunan kepada jawatankuasa pengurusan gender rentas-agensi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Titik tumpuan gender (<i>Gender Focal Point, GFP</i>) di agensi negeri yang berkaitan</li> <li>b. Jawatankuasa Gender di peringkat kerajaan tempatan</li> <li>c. Perundingan yang kerap antara GFP</li> <li>d. Petunjuk prestasi utama gender dibentuk.</li> <li>e. Maklum balas bertulis daripada Jawatankuasa GM rentas-agensi untuk Exco Wanita.</li> </ul>
3.2 Membina kepakaran kakitangan (GFP, kakitangan WBS, pejabat Exco Wanita).	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Biasiswa untuk diploma dan/ atau pengajian pasca-ijazah sarjana dalam pengajian gender dan pembangunan.</li> <li>b. Latihan peka gender untuk pegawai kerajaan</li> <li>c. Kepimpinan, penilaian, kemahiran pengurusan dan komunikasi</li> <li>d. Jaringan dengan badan yang berkaitan di peringkat serantau dan antarabangsa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan graduan lulus pengajian gender dan pembangunan</li> <li>b. Kakitangan dengan kesedaran dan ilmu berkenaan isu gender</li> <li>c. Kakitangan dengan kemahiran pemantauan dan penilaian, pengurusan dan kemahiran insani (<i>soft skills</i>)</li> <li>d. Terlibat dalam persidangan antarabangsa berkenaan GM dan GRPB (membentangkan kertas kerja)</li> </ul>
3.3 Menjalankan penyelidikan/kajian dan pengumpulan statistik mengenai status dan kedudukan wanita di Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kajian menyeluruh di Selangor serta kajian-kajian yang tertumpu pada isu-isu lebih spesifik</li> <li>b. Kajian dijalankan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Maklum balas kajian kepada responden</li> <li>b. Memuat naik dapatan dalam laman sesawang</li> <li>c. Seminar/<i>town hall meeting</i> untuk berkongsi dapatan bagi cadangan dasar</li> </ul>



TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
3.4 Menyemak kemajuan status wanita	Kajian jurang gender dan amalan baik	Kertas Dasar Gender ( <i>Gender policy briefs</i> )
3.5 Menganjurkan seminar dan persidangan mengenai SDG dengan memberi tumpuan kepada kesaksamaan gender dan pemberdayaan wanita	<ul style="list-style-type: none"><li>a. Kenal pasti isu rentas gender</li><li>b. Pantau kemajuan ke arah SDG, khususnya berhubung dengan kesaksamaan gender dan pemberdayaan wanita</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>a. Bilangan peserta</li><li>b. Penilaian seminar</li><li>c. Kualiti cadangan dan penyelesaian</li></ul>



MATLAMAT 2

**MENINGKATKAN STATUS  
SOSIO-EKONOMI DAN AUTONOMI  
WANITA YANG TERPINGGIR**

# KONTEKS

Pada era yang penuh dengan ketidakpastian (*uncertainty*) dan konflik dunia yang tidak menentu, hak asasi golongan rentan khususnya wanita dan kanak-kanak adalah amat penting untuk dibela dan dilindungi. Dunia menyaksikan bagaimana pandemik dan pasca pandemik Covid-19 telah menghambat golongan wanita serta memburukkan lagi jurang gender dari pelbagai aspek.

Meskipun tenaga buruh di Malaysia pada tahun 2022 terus berkembang sebanyak 1.4 peratus, **kadar pengangguran bagi wanita yang menetap di luar bandar adalah pada tahap 6.6% berbanding lelaki 3.8%, terutamanya dalam kalangan wanita berpendidikan menengah dan tertuari.** Di Selangor, peratusan tenaga buruh wanita adalah pada tahap 69.9% berbanding lelaki 83.5%. Tiada peluang pekerjaan dan tanggungjawab kepada keluarga pula merupakan antara sebab utama mengapa wanita bekerja kurang dari 30 jam dan seterusnya dikategorikan sebagai kategori “luar tenaga buruh” (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Situasi ini telah menyumbang kepada ketaksamaan upah dan jurang gaji yang ketara di antara lelaki dan wanita. Lebih-lebih lagi apabila jenis pekerjaan yang ditawarkan di luar bandar kebanyakannya berkaitan pertanian, perikanan, perhutanan, perkhidmatan dan jualan. Purata gaji bagi kaum lelaki pada tahun 2021 di Negeri Selangor mencatatkan jumlah RM 3,816, berbanding wanita sebanyak RM 3,169, iaitu perbezaan sebanyak RM 647 bagi setiap purata gaji yang diterima (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Selangor juga kekal menjadi negeri yang tertinggi bagi kes pembubaran perkahwinan. “Analisis Perkahwinan Dan Perceraian di Selangor 2011-2016” yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) pada tahun 2019 menunjukkan pasangan yang tidak bertanggungjawab menjadi punca yang paling utama mengapa pembubaran perkahwinan berlaku. Tidak bertanggungjawab dalam konteks ini bermaksud masalah sosio ekonomi yang tidak kukuh seperti masalah kerjaya, komunikasi dan akhlak. Hal ini termasuk kegagalan memberi nafkah kepada bekas pasangan untuk membesarkan anak-anak. Bebanan yang ketara akan ditanggung oleh bekas pasangan, khususnya balu wanita dan ini menyebabkan kuasa membeli yang rendah. Akibatnya, wanita juga kurang mempunyai pemilikan aset (Abdul Wahid, 2019)



## CABARAN

**Pelaksanaan program berjangka masa panjang untuk meningkatkan status sosio-ekonomi dan autonomi wanita terpinggir memerlukan tempoh masa lebih dari 5 tahun**, sepertimana pemerksaan wanita di ASEAN yang telah digiatkan sejak tahun 1988 sehingga kini. Daripada Deklarasi Kemajuan Wanita di Wilayah ASEAN yang telah diwujudkan pada tahun 1988, usaha tersebut diteruskan sehingga ke Deklarasi 2017 mengenai Pelaksanaan Responsif Gender bagi Wawasan Komuniti ASEAN 2025 dan melalui Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs). Justeru, bagi mencapai perkembangan positif yang berterusan bagi wanita terpinggir di negeri Selangor, pelan tindakan susulan untuk meningkatkan status sosio-ekonomi dan autonomi wanita terpinggir harus terus dibangunkan.

Lebih-lebih lagi apabila negara telah dilanda pandemik Covid-19. Menurut Laporan Tahunan Suhakam 2020, terdapat banyak laporan wanita bercerai di Malaysia yang menghadapi kesukaran mendapatkan nafkah anak daripada bekas pasangan mereka. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah mengganggu prosiding kes tersebut disebabkan mahkamah tidak diklasifikasikan sebagai perkhidmatan penting untuk meneruskan operasi semasa PKP.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pula telah melaporkan pendapatan isi rumah dan kemiskinan mutlak yang mencatatkan angka yang positif, namun begitu kadar inflasi yang terus meningkat menjadi beban yang berterusan terutama buat golongan wanita yang menjadi ketua isi rumah, terutamanya di luar bandar.

## ASPEK PENAMBAHBAIKAN

Penambahbaikan dasar atau inisiatif yang bersasar dan khusus pada jangka masa panjang adalah amat diperlukan bagi membela dan memartabat status golongan wanita yang terpinggir dengan cara yang lebih berkesan tanpa bergantung sepenuhnya kepada skim bantuan bersifat jangka masa pendek. Ini menggalakkan golongan wanita untuk menjadi lebih mandiri dengan sokongan yang diterima dan sekaligus akan mengurangkan jurang gender yang masih tinggi. Pengukuhan aspek kewangan dan reformasi undang-undang yang berterusan akan menjadi tunjang utama bagi mencapai kesaksamaan gender.

**Di Selangor, golongan wanita merupakan penyumbang yang besar bagi sektor ekonomi formal dan tidak formal, dengan kadar penyertaan tenaga buruh sebanyak 69.9%.** Namun begitu perhatian harus diberikan kepada jurang bagi peringkat pembuatan keputusan yang masih tinggi antara lelaki dan wanita, dengan nisbah 0.326 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).

Bagi sektor keusahawanan pula, penglibatan aktif golongan wanita dalam bentuk koperasi atau persatuan sebagai sistem sokongan yang utuh dapat menjadi batu loncatan untuk meningkatkan status ekonomi golongan wanita dengan pemasaran produk dan perkhidmatan yang lebih meluas.

# PELAN TINDAKAN

## LANGKAH 1: MENJALANKAN PENYELIDIKAN MENGENAI UPAH/GAJI GENDER DAN JURANG PEMILIKAN ASET SERTA CARA-CARA PENGAGIHAN SUMBER EKONOMI YANG ADIL ANTARA LELAKI DAN WANITA

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
1.1 Merumuskan cadangan penyelidikan mengenai tema jurang upah gender, kuasa beli, pendapatan boleh guna, akses kepada kredit, dan pemilikan aset boleh alih dan tak boleh alih seperti tanah dan pergerakan transnasional berteraskan gender	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Data, dapatan dan analisis penyelidikan</li> <li>b. Penerbitan dan kertas kerja yang boleh diakses kepada orang ramai dan pembuat dasar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kesesuaian dan kebolegunaan penyelidikan untuk penggubalan dasar</li> <li>b. Capaian atas talian rujukan, petikan dan terbitan.</li> </ul>
1.2 Menentukan ciri-ciri, lokasi dan keperluan enam kumpulan sasaran wanita yang dikenal pasti.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Dapatan kajian primer dan sekunder</li> <li>b. Kajian dan sumber material diterbitkan</li> <li>c. Pangkalan data.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kebolegunaan hasil penyelidikan untuk kegunaan dasar</li> <li>b. Manfaat dari segi muat turun, petikan dan penyebaran</li> <li>c. Keabsahan data</li> </ul>

**LANGKAH 2: MEWUJUDKAN EKOSISTEM YANG MENJANA PENDAPATAN UNTUK KUMPULAN SASAR WANITA**

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
2.1. Mewujudkan pusat nasihat sehati bagi perusahaan / perniagaan kecil untuk wanita di peringkat tempatan (kampung, majlis tempatan).	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pusat-pusat khidmat dan / atau bentuk akses komunikasi diwujudkan</li> <li>b. Tambahbaik dan perluaskan peranan PWB untuk program 'outreach' wanita</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan pelanggan dan kualiti nasihat yang diberikan</li> <li>b. Kaji selidik kepuasan pelanggan</li> </ul>
2.2 Membangunkan jaringan sokongan wanita berpaksikan kejiranan atau komuniti untuk kerjasama ekonomi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Inisiatif yang diterajui PWB</li> <li>b. Jaringan yang meningkatkan penglibatan wanita dalam koperasi dan perusahaan kecil.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan dan keberkesanan jaringan</li> <li>b. Manfaat langsung dan tidak langsung daripada jaringan</li> </ul>

**LANGKAH 3: MENAMBAHBAIK KEBAJIKAN SOSIAL DAN SKIM PINDAH TERUS SEDIA ADA YANG DIBERIKAN KEPADA WANITA DALAM ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH**

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
3.1. Menambah baik penyebaran maklumat inisiatif-inisiatif sedia ada untuk wanita	Mempertingkatkan kempen maklumat berkenaan ketersediaan inisiatif atau skim sedia ada kepada penduduk dengan lebih meluas dan terarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan penerima setiap skim</li> <li>b. Kaji selidik impak sosial mengenai keberkesanan skim.</li> </ul>
3.2 Memastikan komuniti wanita terpinggir mempunyai akses dan mobiliti bagi mendapat manfaat daripada inisiatif-inisiatif sedia ada	Penyampaian perkhidmatan melalui klinik bergerak ke lebih banyak kawasan luar bandar dan pedalaman	Bilangan lawatan, <i>outreach</i> , penerima dan peserta

#### LANGKAH 4: MEWUJUDKAN KERJASAMA ANTARA AGENSI UNTUK MEMANTAU PENGUATKUASAAN PERINTAH NAFKAH OLEH MAHKAMAH SIVIL DAN SYARIAH

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
<p>4.1. Menubuhkan pasukan petugas untuk mengkaji keadaan tuntutan nafkah dan mencadangkan langkah- langkah untuk penguatkuasaan perintah nafkah yang berkesan.</p>	<p>a. Laporan dan cadangan untuk penubuhan Badan Tuntutan Nafkah (<i>Maintenance Support Body</i>) selaras dengan Bantuan Sokongan Keluarga (BSK) JAKESS b. Bengkel dan diskusi</p>	<p>a. Cadangan yang bermanfaat b. Cadangan dan susulan kepada mesyuarat dan sesi dialog</p>
<p>4.2. Mewujudkan rangkaian kerjasama antara agensi untuk memantau penguatkuasaan perintah nafkah oleh mahkamah sivil dan Syariah.</p>	<p>Aturan kerjasama rasmi dengan agensi seperti mahkamah, bahagian BSK di JAKESS, Biro Bantuan Guaman dan Persatuan Peguam Wanita.</p>	<p>Kes tuntutan nafkah diselesaikan dengan tindakan dan intervensi antara agensi</p>
<p>4.3 Berhubung dengan BSK di JAKESS untuk memberikan sokongan susulan bagi Wanita Islam membina semula kehidupan sosial dan ekonomi selepas perceraian.</p>	<p>Pangkalan data wanita Islam dalam pembubaran perkahwinan dan status kesejahteraan sosial dan ekonomi mereka</p>	<p>Maklumat strategik dan sumber untuk membantu wanita dan kanak-kanak berdepan dengan kegagalan perkahwinan</p>

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
<p>4.4. Menubuhkan sebuah badan untuk ibu-ibu tunggal bukan Islam yang selari dengan BSK.</p>	<p>Pangkalan data wanita bukan Islam dalam pembubaran perkahwinan dan status kesejahteraan sosial dan ekonomi mereka</p>	<p>Maklumat strategik dan sumber untuk membantu wanita dan kanak-kanak berdepan dengan kegagalan perkahwinan</p>
<p>4.5 Kajian dan cadangan pembaharuan Undang – undang Perkahwinan bagi Muslim dan bukan Muslim</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kajian pembaharuan Undang – undang Perkahwinan dan Penceraian 1976 dan Enakmen Undang- undang Keluarga Selangor</li> <li>b. Membangunkan cadangan pindaan terhadap rang undang – undang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kertas kerja dan cadangan</li> <li>b. Seminar dan forum awam mengenai perkara di atas</li> <li>c. Perbincangan meja bulat dan sesi perundingan bersama pakar</li> <li>d. Draf Rang Undang-Undang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Liputan media dan penyebaran kepada kumpulan berkepentingan</li> <li>b. Bilangan dan profil peserta</li> <li>c. Pembentangan rang undang-undang di Dewan Undangan Negeri dan / atau Parlimen</li> </ul>



MATLAMAT 3


**MERAPATKAN JURANG  
GENDER DI SEMUA PERINGKAT  
DAN ASPEK PASARAN BURUH**



# KONTEKS

Laporan Indeks Norma Sosial Gender 2023, pada peringkat global, Malaysia masih di belakang negara-negara di Asia Tenggara iaitu pada tahap 51.2% berbanding negara jiran yang lain seperti Thailand (59%) dan Singapura (59.4%). Pasaran tenaga buruh wanita di Selangor meningkat secara perlahan sebanyak 4.4% dalam tempoh 6 tahun iaitu dari 65.4% pada tahun 2017 kepada 69.9% pada tahun 2022 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Namun begitu, kadar tenaga buruh wanita adalah pada tahap hampir mendatar sejak tiga tahun kebelakangan ini, dengan peratusan 69.9 pada tahun 2020 dan 2022, dan penurunan 0.4% pada tahun 2021 (69.5%) (Rujuk Graf 1). Kadar tenaga buruh lelaki pula dari tahun 2020 ke 2022 meningkat secara beransur dari tahun ke tahun dari 80.6% ke 83.5% (Rujuk Graf 1). Ini menunjukkan peningkatan sebanyak hampir 3% dalam tempoh 3 tahun.

**Graf 1: Peratusan Tenaga Buruh Lelaki dan Wanita Bagi Tahun 2020 Hingga 2022**



Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Statistik Pemerkasaan Wanita Dalam Domain Terpilih 2023, dari sudut penggajian, bagi setiap RM100 gaji dan upah yang diterima lelaki di Malaysia, golongan wanita hanya menerima RM66.67, menunjukkan perbezaan yang ketara sehingga 33%. Di negeri Selangor pula, kesaksamaan gaji dan upah dalam pekerjaan yang setara adalah pada tahap 0.740 dengan anggaran pendapatan tahunan yang diperoleh adalah RM50,100 berbanding lelaki sebanyak RM68,400.

Peratusan wanita sebagai pekerja profesional dan pekerja teknikal juga lebih rendah berbanding lelaki iaitu pada kadar 40.7%. Manakala, sebanyak 62.8% pekerja keluarga tanpa gaji terdiri daripada golongan wanita pada tahun 2022 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Ini menunjukkan bahawa penyertaan tenaga buruh wanita secara formal di Selangor adalah lebih rendah berbanding keterlibatan mereka dalam pekerjaan tidak formal seperti kerja penjagaan tidak bergaji (*unpaid care work*).



# CABARAN

Kos penjagaan kanak-kanak yang terus meningkat dengan suasana persekitaran pekerjaan yang tidak kondusif dan mesra ibu bapa telah mengakibatkan ramai golongan wanita berhenti bekerja. Keadaan ini berlaku kerana mereka perlu menjimatkan kos penjagaan kanak-kanak, di samping kesihatan mental yang merudum disebabkan bebanan berganda antara kerja dan tanggungjawab menguruskan keluarga. Hal ini disokong dengan kajian '**Mengekalkan Wanita dalam Tenaga Kerja**' yang dijalankan oleh TalentCorp yang mendapati tiga (3) sebab utama wanita meninggalkan alam pekerjaan adalah untuk membesarkan anak-anak, tiada pilihan waktu kerja yang anjal dan menjaga ahli keluarga. Hal ini seterusnya menyebabkan golongan wanita banyak terlibat dalam pekerjaan tanpa gaji yang tidak diiktiraf dan tidak berbayar.

Pengaturan waktu kerja anjal (*flexible working arrangement* – FWA) dipandang sebagai komponen yang penting pada tahun 2019 sehingga 2021, terutamanya sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan untuk menangani peningkatan jangkitan Covid-19. Namun begitu, FWA kembali menjadi sesuatu yang janggal pasca pandemik, dengan rata-rata syarikat telah mengamalkan kerja dari pejabat secara sepenuhnya pada tahun 2022 dan 2023 (*ETX Daily Up*, 2023).

Kerajaan Malaysia pada tahun 2022 telah meminda Akta Kerja 1955 (Akta 266) dengan memasukkan hak pekerja untuk memohon FWA.



**Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh International Workplace Group (IWG), sebanyak 75% wanita mendapat keseimbangan kehidupan kerja dengan FWA dan 44% menyatakan FWA memberikan kesan yang positif terhadap kesihatan mental.**

Manakala, 72% golongan wanita akan mencari pekerjaan yang baru jika majikan mereka menarik FWA. Meskipun telah banyak kajian yang dijalankan akan kebaikan FWA terhadap pembangunan keluarga yang lestari serta mendatangkan kebaikan dari segi keseimbangan kerja-kehidupan untuk menjaga anak dan hal ehwal rumah tangga, masih wujud kekangan dalam pelaksanaan FWA baik di sektor kerajaan mahupun swasta. Antara kekangannya adalah sifat pekerjaan yang memerlukan kehadiran fizikal di pejabat atau tempat kerja seperti industri pembuatan dan pembinaan.

## ASPEK PENAMBAHBAIKAN

Kerajaan Persekutuan melalui belanjawan 2024 telah melanjutkan pengecualian cukai bagi wanita yang kembali bekerja sehingga 31 Disember 2027. Kerajaan juga akan meningkatkan had pengecualian cukai pendapatan ke atas elaun penjagaan anak-anak daripada RM2,400 kepada RM3,000. Pada Oktober 2023, **Kerajaan Negeri Selangor juga telah memberikan insentif jangka masa pendek berbentuk tunai sebanyak RM 1,000 kepada 5,000 ibu bekerja melalui program MamaKerja** bagi meringankan beban penjagaan anak-anak terutama dari segi kos penghantaran ke pusat jagaan atau taska. Meskipun terdapat banyak usaha untuk menyokong pertumbuhan sektor pekerjaan bagi kaum wanita, terdapat kira-kira 30% kaum wanita di Selangor masih menjauhkan diri daripada menyertai semula alam pekerjaan ataupun terlibat dalam kerja penjagaan tanpa gaji (*unpaid care work*) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).



Pengaturan waktu kerja yang anjal berupaya meningkatkan produktiviti dan mengurangkan bebanan berganda akibat kerja penjagaan tanpa gaji (*unpaid care work*). **Peningkatan tempoh cuti bersalin melalui Akta Kerja 1955 (Akta 266) daripada 60 hari ke 98 hari mempunyai impak yang positif terhadap golongan wanita.** Namun begitu, peningkatan cuti paterniti mengalami perubahan yang sangat tipis, iaitu daripada tiga (3) ke tujuh (7) hari sahaja. Justeru, usaha untuk mendapatkan hak setara bagi golongan bapa untuk terlibat dalam aktiviti penjagaan anak harus terus digiatkan. Penyediaan elaun dan pusat penjagaan anak oleh majikan dengan bayaran subsidi atau minimum juga boleh meningkatkan penyertaan tenaga buruh wanita sekaligus meningkatkan produktiviti serta mengekalkan bakat sedia ada dalam pasaran buruh. Galakan penyertaan wanita dalam pasaran buruh melalui penggubalan undang-undang yang berkesan ini akan dapat mengurangkan jurang pasaran golongan wanita dan lelaki dalam kadar penyertaan tenaga buruh.

Transformasi dasar fiskal terutamanya untuk membiayai aktiviti penjagaan mampu mencipta pekerjaan dalam sektor ekonomi penjagaan yang banyak dilakukan oleh golongan wanita. Pengiktirafan pekerja sosial sebagai pekerjaan yang profesional pula akan sedikit sebanyak meningkatkan lagi status ekonomi golongan wanita serta mengurangkan peratusan kerja penjagaan tanpa gaji. Tidak disangkal bahawa pengiktirafan terhadap kerja-kerja penjagaan keluarga secara formal dan meluas bakal meningkatkan peratusan penyertaan tenaga buruh wanita di peringkat negeri dan nasional pada masa akan datang.



“

**Selangor bakal menubuhkan enakmen berhubung sektor yang berkait dengan penjagaan kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Langkah itu sebagai sokongan memperkasakan dan melibatkan wanita dalam pembangunan negeri selain menjadi dasar untuk pusat jagaan sedia ada melakukan penyelarasan demi keselamatan.”**

– Menteri Besar Selangor, Selangor Kini, 2024.

# PELAN TINDAKAN

## LANGKAH 1: MENGGALAKKAN PENYERTAAN, PENGEKALAN DAN PENINGKATAN WANITA DALAM TENAGA BURUH DENGAN MENGGALAKKAN WAKTU KERJA ANJAL (*FLEXIBLE WORK ARRANGEMENT*) DI TEMPAT KERJA

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
1.1. Melibatkan sektor awam dan swasta dalam mengguna pakai dasar dan amalan kerja fleksibel.	Dialog, seminar, bengkel dan kursus-kursus latihan mengenai FWAs	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan dan kualiti sesi</li> <li>b. Kaji selidik dan maklum balas daripada majikan dan pekerja tentang kebolehlaksanaan FWAs</li> </ul>
1.2. Projek rintis pelaksanaan FWAs di agensi Kerajaan terpilih di bawah bidang kuasa Kerajaan negeri Selangor	FWAs dilaksanakan dalam organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Peningkatan organisasi</li> <li>b. Manfaat tenaga kerja</li> <li>c. Produktiviti pekerja</li> <li>d. Pengekalan tenaga kerja wanita</li> <li>e. Keseimbangan kerjaya dan kehidupan dan kesejahteraan majikan dan pekerja</li> </ul>

## LANGKAH 2: MENGGALAKKAN PENYERTAAN DAN PENGEKALAN WANITA DALAM TENAGA BURUH MELALUI PENUBUHAN LEBIH BANYAK PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK BERKUALITI DI/ATAU BERHAMPIRAN TEMPAT KERJA

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
<p>2.1. Meningkatkan jumlah perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak berkualiti di negeri dengan memberikan subsidi terutamanya kepada keluarga berpendapatan rendah</p>	<p>a. Perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak dikenal pasti (di tempat kerja atau di lokasi yang boleh diakses oleh wanita yang bekerja)</p> <p>b. Kualiti</p> <p>c. Kriteria</p>	<p>Bilangan dan kualiti pusat jagaan kanak-kanak dalam negeri</p>
<p>2.2. Memperbaiki dan meningkatkan kualiti pusat perkhidmatan jagaan kanak-kanak sedia ada dan baru dengan menyediakan dana yang diperlukan dan insentif fiskal untuk pembekal.</p>	<p>Piawaian dan kualiti pensijilan untuk pusat jagaan kanak-kanak digubal</p>	<p>a. Pusat jagaan yang berkualiti tinggi dengan kakitangan yang terlatih</p> <p>b. Piawaian kebersihan dan kesihatan yang diperakui dan mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti kamera litar tertutup untuk mencegah penderaan kanak-kanak</p>

### LANGKAH 3: MENGALAKKAN WANITA DENGAN KELAYAKAN PENDIDIKAN PROFESIONAL ATAU LEBIH TINGGI UNTUK MENYERTAI SEMULA TENAGA BURUH SELEPAS REHAT BEKERJAYA KERANA KOMITMEN PENJAGAAN KELUARGA ATAU PILIHAN ALTERNATIF PERIBADI

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
3.1. Mengenalpasti, menilai dan mengesahkan syarikat mesra wanita yang terbuka kepada menggajikan semula pekerja wanita yang meninggalkan tenaga kerja.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kumpulkan senarai dan direktori syarikat yang sesuai</li> <li>b. Syarikat yang boleh dipadankan dengan wanita yang ingin kembali bekerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Syarikat awam dan swasta dan institusi yang terlibat</li> <li>b. Data mengenai bilangan wanita yang menyertai semula tenaga buruh</li> <li>c. Sifat dan jenis pekerjaan</li> </ul>
3.2 Menyediakan insentif tunai atau geran kepada syarikat yang mengambil bahagian dalam program penyertaan semula kerjaya ini.	Syarikat yang layak menerima geran dan insentif dikenal pasti	Syarikat awam dan swasta dan institusi yang terlibat
3.3. Mewujudkan program latihan amali ( <i>internship</i> ) bagi suri rumah atau mereka yang ingin kembali bekerja.	Peserta program dikenal pasti oleh Syarikat-syarikat dan organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Syarikat awam dan swasta dan institusi yang terlibat</li> <li>b. Bilangan dan sifat latihan amali (<i>internships</i>)</li> <li>c. Bilangan yang telah diambil semula bekerja</li> </ul>



**LANGKAH 4: ADVOKASI UNDANG-UNDANG BARU ATAU PINDAAN UNDANG-UNDANG YANG MESRA GENDER SEPERTI TINGKATKAN CUTI PATERNITI BERBAYAR, CUTI PARENTAL TERMASUK CUTI BERGAJI BAGI PENJAGAAN WARGA TUA**

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
<p>4.1. Menubuhkan sebuah pasukan petugas dan mengkaji tindakan dan dasar yang berkesan bagi mencadangkan enakmen (bagi negeri) atau undang-undang (negara) yang boleh meningkatkan peruntukan bagi cuti parental</p>	<p>a. Kertas kerja dan cadangan dihasilkan            b. Lawatan belajar untuk melihat amalan baik mengenai perundangan dan pelaksanaan yang efektif            c. Mesyuarat, bengkel, seminar mengenai penggubalan dan pelaksanaan undang-undang yang sesuai dengan konteks negara</p>	<p>a. Maklum balas dari pemegang taruh mengenai kebolehlaksanaan cadangan penambahbaikan untuk tindakan susulan            b. Kualiti dan impak lawatan sambil belajar            c. Draf rang undang-undang</p>
<p>4.2. Membangunkan rang undang-undang yang dicadangkan</p>	<p>a. Mengadakan dialog, mesyuarat dan perbincangan dengan NGO wanita, masyarakat sivil, kesatuan pekerja dan majikan dan pemegang taruh            b. Melobi ahli-ahli Parlimen mengenai rang undang-undang</p>	<p>a. Skop rang undang-undang            b. Kemajuan dan proses pembentangan rang undang-undang</p>



**MATLAMAT 4**

**MEMPERCEPATKAN PENYERTAAN,  
PERWAKILAN DAN PEMBUATAN  
KEPUTUSAN DALAM KEHIDUPAN  
AWAM DAN POLITIK DALAM  
KALANGAN WANITA**

## KONTEKS

Di peringkat antarabangsa atau negara, suara wanita yang mewakili separuh populasi perlu didengari dan diwakili di semua lapisan dalam masyarakat. Untuk memastikan matlamat ini dapat dicapai, wanita perlu diberi peluang dan ruang dalam menentukan isu dan pilihan dalam kehidupan awam dan politik sesebuah negara. Mencapai kesaksamaan gender di ruang awam dan politik tidak hanya berkisar sekitar wanita dan lelaki mempunyai bahagian yang sama rata untuk mengisi ruang kepimpinan.

Akses yang sama juga harus diberikan terhadap wanita, iaitu penyertaan penuh dalam struktur kuasa, juga sebagai pembuat keputusan dalam badan-badan kerajaan dan entiti pentadbiran awam. Penyediaan persekitaran kerja yang inklusif yang memudahkan akses kepada peranan kepimpinan, serta penghapusan halangan sosio-ekonomi dan akses sokongan kewangan kepada penyertaan politik mampu meningkatkan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan yang aktif dalam pembentukan dasar dan inisiatif yang bermakna, baik untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Menurut Laporan Pembangunan Manusia 2021/2022, Indeks Norma Sosial Gender (*Gender Social Norms Index – GSNI*) bagi Malaysia adalah tinggi terutamanya untuk dimensi politik, iaitu 91.77 berbanding pendidikan (36.10) dan ekonomi (59.79). Ini menunjukkan bahawa bias terhadap wanita dalam landskap politik di Malaysia berada pada tahap yang sangat tinggi.

Seawal tahun 1989, Dasar Wanita Negara (pertama) menyatakan “semua bentuk diskriminasi buruk atas dasar gender dihapuskan dalam semua perkara pembuat keputusan”. Kemudian pada tahun 2004, Malaysia memperkenalkan dasar 30 peratus penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam, seperti mana yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006–2010) sebagai objektif dasar dan komitmen ini diteruskan sehingga ke hari ini. Dan yang mutakhir, kerajaan menjadi pihak berkepentingan aktif dalam Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals – SDG*) 2016–2030 melalui Matlamat 5 mengenai kesaksamaan gender dan pemberdayaan wanita, dengan menyatakan secara langsung tentang memastikan **“penyertaan penuh dan efektif serta peluang saksama bagi wanita dalam kepimpinan di semua peringkat pembuat keputusan dalam kehidupan politik, ekonomi dan awam”**.




# CABARAN

Menurut Statistik Pemerksaan Wanita Dalam Domain Terpilih 2023, penglibatan wanita dalam jawatan Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri telah meningkat masing-masing daripada 15.6% dan 10.5% pada tahun 2021 kepada 17.9% dan 29.6% pada tahun 2022. Namun, peratusan wanita sebagai ahli parlimen masih pada tahap yang rendah berbanding lelaki pada tahap 13.5% atau 30 ahli parlimen daripada 222 kerusi parlimen. Peratusan wanita sebagai Senator di Dewan Negara dan ahli Dewan Rakyat masing-masing mencatatkan **penurunan daripada 18.2% dan 14.9% pada tahun 2021 kepada 14.8 % dan 13.5% pada tahun 2022.**

Peratusan hakim di badan kehakiman pula adalah sebanyak 37.3%, manakala peratusan hakim di Kehakiman Syariah mencatatkan angka yang jauh lebih rendah iaitu 17.2%. Secara keseluruhannya, hanya 87 daripada 340 hakim yang dilantik untuk Mahkamah Sivil dan Syariah. Bagi jawatan Ketua Setiausaha (KSU), Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) dan Ketua Pengarah (KP) pula, hanya 16.7% adalah dalam kalangan golongan wanita iaitu sebanyak 45 daripada 269. Bagi pegawai kerajaan gred Jusa C dan ke atas pula adalah sebanyak 38.8% pada tahun 2022, mencatatkan sedikit kenaikan berbanding 2020 (38.2%) dan 2021 (38.7%).

Di peringkat Negeri Selangor, Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebanyak 73 orang wanita daripada 202 bilangan keseluruhan pada tahun 2021. Manakala, hanya 9 Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah wanita daripada 56 kerusi DUN, meskipun calon DUN wanita yang dipertandingkan adalah sebanyak 71 orang. Terkini, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Penggal Ke-15 2023-2028 adalah seramai dua (2) orang daripada sejumlah 11 orang (18.1%). Ini menunjukkan jumlah yang mendatar sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) yang lalu. Secara keseluruhannya, penguasaan politik bagi golongan wanita di negeri Selangor adalah pada tahap yang **masih rendah iaitu 0.127 (skor 1.0 menunjukkan kesaksamaan gender dicapai).**





## ASPEK PENAMBAHBAIKAN

Penguasaan politik yang rendah pada tahap 0.127 menunjukkan masih banyak transformasi yang perlu dilakukan terutamanya dari aspek budaya dan sosial, juga dalam aspek penggubalan dasar yang berkaitan. Pelaksanaan kuota minimum 30% wanita sebagai pembuat keputusan misalnya, dapat memastikan sebarang bentuk perubahan yang dilakukan di peringkat negeri mahupun nasional mampu memberikan impak yang positif terhadap golongan wanita dalam pelbagai sektor, terutamanya isu-isu berkaitan sosial dan ekonomi seperti persekitaran yang selamat, penjagaan anak-anak, kesihatan reproduktif dan jurang gaji.

Penglibatan wanita di peringkat tertinggi dalam membuat sesuatu keputusan juga bermaksud kepentingan dan keperluan wanita, yang merupakan separuh daripada populasi negara ini, perlu diberikan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya sebelum penggubalan sesuatu dasar itu diluluskan. Sebagai contoh, Rang Undang-undang Anti-gangguan Seksual yang telah dirangka pada tahun 2011, akhirnya telah berjaya diluluskan 11 tahun kemudian. Penggubalan undang-undang sedemikian, akan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif apabila proses penggubalan tersebut melibatkan lebih ramai wanita sebagai pembuat keputusan di peringkat nasional mahupun negeri.

Penting untuk ditegaskan, **walaupun kuota minimum 30% diperlukan, ia adalah angka yang menghasilkan perubahan dalam bentuk perwakilan substantif.** Dengan kehadiran mereka melalui jawatan politik dan awam ianya dapat mempengaruhi persepsi positif orang ramai terhadap keupayaan dan kekuatan wanita.

Justeru, selari dengan Konvensyen Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing serta SDG Matlamat 5, usaha-usaha untuk mencapai sekurang-kurangnya minimum 30% wanita di peringkat pembuat keputusan harus terus digiatkan melalui Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan 2024-2026.

# PELAN TINDAKAN

## LANGKAH 1: MENGUKUHKAN PELAKSANAAN KUOTA GENDER UNTUK MENINGKATKAN PERWAKILAN WANITA DALAM POLITIK

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
1.1. Kaji undang-undang tubuh kerajaan negeri sedia ada bagi membolehkan penambahan perwakilan wanita dengan memperkenalkan Kerusi Tanpa Kawasan ( <i>Non-Constituency Seat</i> ) bagi membolehkan kuota gender dipenuhi	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Laporan kajian</li> <li>b. Kertas kerja Exco untuk meminda perlembagaan</li> <li>c. Pindaan yang dicadangkan dibentangkan semasa Sidang DUN</li> </ul>	Wanita dan wakil minoriti dilantik sebagai perwakilan/ADUN

## LANGKAH 2: MEMUDAH CARA PENINGKATAN PERWAKILAN WANITA DALAM KERAJAAN TEMPATAN, AGENSI/ PERINGKAT NEGERI, LEMBAGA PENGARAH PERINGKAT NEGERI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC)

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
2.1. Mewujudkan Perintah Eksekutif untuk minimum 30 peratus perwakilan wanita dalam kerajaan tempatan	Kertas kerja Exco dihasilkan	Ahli Majlis Wanita
2.2. Mewujudkan Perintah Eksekutif untuk minimum 30 peratus perwakilan wanita dalam agensi dan lembaga kerajaan negeri	Kertas kerja Exco dihasilkan	Ketua Jabatan dan Lembaga Pengarah wanita
2.3. Mewujudkan Perintah Eksekutif untuk minimum 30 peratus perwakilan wanita dalam GLC	Kertas kerja Exco dihasilkan	Wanita yang menjawat jawatan Pengurus/Ketua Eksekutif dalam GLC

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
2.4. Pementoran pemimpin wanita termasuk pelaksanaan <i>male-ally mentorship</i>	a. Jaringan pemimpin wanita diwujudkan b. Jaringan ilmuwan dan politik diwujudkan	a. Meningkatkan bilangan pemimpin wanita terutamanya wanita muda b. Barisan pelapis dan pemimpin baru c. Perbincangan mengenai politik, dasar dan wacana kesaksamaan gender
2.5. Menilai/semak prosedur pengambilan dan kenaikan pangkat dengan mengambli kira sensitiviti dan pariti gender.	Mewujudkan garis panduan yang peka gender	Keseimbangan gender dalam jawatankuasa temuduga

### LANGKAH 3: MENINGKATKAN DAN MENAIK TARAF PROGRAM LATIHAN WANITA KE ARAH KEPIMPINAN WANITA YANG TRANSFORMATIF TERUTAMANYA WANITA MUDA

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
3.1. Meningkatkan pembinaan kapasiti dan latihan secara <i>hands-on</i> yang berterusan untuk pemimpin wanita yang berpotensi terutamanya wanita muda	Kurikulum dan kursus latihan dihasilkan meliputi; <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hak wanita, kepimpinan transformatif dan autentik</li> <li>• Gender, politik dan demokrasi</li> <li>• Pendidikan dan hak pengundi</li> <li>• Gender dan pembangunan</li> <li>• Kepimpinan dan kemahiran pengurusan</li> <li>• Pengucapan awam</li> <li>• Strategi kempen 2</li> </ul>	a. Latihan dan pembangunan kepimpinan b. Seminar, bengkel c. Wanita muda

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
3.2. Mengukuhkan dan menyebarkan program latihan kepimpinan bagi wanita muda	Melaksanakan program pementoran yang berstruktur	Pelapis wanita dalam parti politik dan WBS
3.3. Menyediakan dana kepada NGO wanita untuk menjalankan program kepimpinan dan pemberdayaan politik untuk bakal pemimpin wanita, terutama wanita muda.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Melaksanakan program latihan kepimpinan dengan kerjasama NGO wanita</li> <li>b. Membangunkan kurikulum peka gender secara komprehensif</li> </ul>	Dana diperuntukkan

#### LANGKAH 4: MENGGALAKKAN DAN MENYOKONG SUARA WANITA DALAM MASYARAKAT SIVIL

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
4.1. Berganding bahu dan melibatkan diri dengan kumpulan-kumpulan wanita mengenai isu-isu berkaitan	Menubuhkan jawatankuasa dan jaringan	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Wakil-wakil NGO dalam Majlis Wanita Negeri</li> <li>b. Wakil-wakil NGO dalam jawatankuasa negeri yang berkaitan</li> <li>c. Kerjasama program</li> </ul>
4.2. Menyediakan platform dan memperuntukkan sumber dana kepada kumpulan wanita	Kertas kerja diserahkan dan dibentangkan kepada Exco wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Keputusan dan pemantauan dana oleh jawatankuasa</li> <li>b. Dana diperuntukkan</li> </ul>



A large group of people, mostly women, are gathered for a 'JINGGA SELANGOR FUN RUN 2022' event. They are standing in front of a large, red, inflatable archway. Many of the participants are wearing orange t-shirts and holding up white signs that say 'UNITE'. The scene is set outdoors under a covered walkway with a wooden floor. The overall atmosphere is energetic and community-oriented.

MATLAMAT 5

**MENINGKATKAN KESIHATAN,  
KESEJAHTERAAN DAN  
MOBILITI WANITA**

# KONTEKS

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penumpuan terhadap kesihatan wanita mampu memberikan kesan terhadap berbilang generasi (*multi-generational impact*) dari sudut kesihatan awam, perkembangan awal kanak-kanak, dan juga terhadap pembangunan masyarakat dan ekonomi. Kajian yang dijalankan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) juga mendapati bahawa peningkatan kesihatan dan mobiliti wanita berpotensi untuk meningkatkan ekonomi dunia sekurang-kurangnya pada tahap AS\$1 triliun setiap tahun menjelang 2040. Oleh itu, pembangunan dasar dan praktis melalui belanjawan khusus untuk kesihatan dan mobiliti golongan wanita mampu memberikan perkembangan ekonomi dan sosial yang memberangsangkan, baik di peringkat nasional mahupun di peringkat negeri.

Menerusi Belanjawan Malaysia 2024, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima peningkatan peruntukan yang besar, dengan jumlah RM41.2 billion berbanding RM 36.3 billion tahun lalu. Namun begitu, bajet khusus untuk kesihatan wanita hanya sebanyak RM 26 juta iaitu:

Subsidi Ujian Saringan Kanser Serviks - Melalui ujian saringan *Human Papillomavirus* (HPV) bagi wanita berumur 35-45 tahun untuk menggalakkan saringan awal (RM 10 juta)

Program Pemberian Vaksin Kombinasi *Tetanus-Diphtheria-Pertussis* (TDAP) Percuma - Bagi ibu hamil bertujuan untuk mencegah peningkatan kes jangkitan pertussis atau batuk kokol. (RM 10 juta)

Program Subsidi Ujian Mamogram - Meneruskan subsidi ujian saringan mamogram bagi wanita bertujuan untuk menggalakkan pengesanan awal kanser payudara (RM 6 juta)

Di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2024 pula, **Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM 59.3 juta daripada keseluruhan RM 2.35 bilion untuk kesihatan awam.** Ini termasuklah meneruskan Program Iltizam Selangor Sihat (ISS) dengan bajet tahunan berjumlah RM 35 juta yang akan memanfaatkan 100,000 pemegang polisi utama dan kira-kira 150,000 ahli keluarga berdaftar serta Bantuan Sihat Selangor (BSS) dengan peruntukan berjumlah RM5 juta. Kerajaan Negeri juga telah meneruskan Program Selangor Saring dan Saringan Kanser termasuk kanser payudara dan serviks dengan peruntukan berjumlah RM 3.2 juta. Kesemua program ini akan memberikan tumpuan kepada golongan wanita sebagai penerima manfaat, terutamanya golongan wanita terpinggir dan dalam kalangan B40.



# CABARAN

Lima (5) sebab utama kematian bagi golongan wanita pada tahun 2023 adalah penyakit Pneumonia (14.3%), penyakit Jantung Iskemik (12.9%), penyakit Strok *Cerebrovascular* (7.9%), jangkitan Covid-19 (4.5%) dan Kanser Payudara (3.8%). Tahap obesiti golongan wanita pula adalah lebih tinggi iaitu 31.7% bagi kumpulan umur 25–44 tahun dan 27.1% bagi kumpulan umur 45–64 tahun berbanding lelaki pada tahap 16.1% dan 11.2% bagi kumpulan umur yang sama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Perbezaan yang ketara sebanyak 15% menunjukkan angka yang sangat membimbangkan bagi golongan wanita. Kajian bagi Mengenalpasti Halangan Penyertaan Wanita dalam Aktiviti Sukan di Bandar dan Luar Bandar mendapati kebanyakan wanita menghadapi cabaran untuk bergiat aktif dalam aktiviti sukan disebabkan bebanan gandaan (*double burden*) yang dirasai setelah berkeluarga serta akses fasiliti sukan yang tidak mesra kanak-kanak dan wanita. Kekurangan pelaburan dalam pembangunan kemudahan sukan wanita, kos peralatan sukan wanita yang tinggi dan persekitaran yang kurang selamat juga menyebabkan mereka tidak ada motivasi untuk bersukan, terutamanya setelah mempunyai anak-anak kecil (Farzaneh et al., 2021).

**Kajian mengenai Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Kesihatan Mental Wanita telah mengenalpasti bahawa tahap kesihatan mental wanita di Selangor telah dikategorikan dalam keadaan sederhana dan teruk terutamanya dalam kalangan wanita muda yang mempunyai pendapatan isi rumah bulanan kurang daripada RM6,000.** Menerusi program Selangor Mental Sihat (SEHAT) juga, hasil saringan mendapati faktor kewangan memberikan impak yang besar terhadap kesihatan mental, dan ini menjadikan golongan berpendapatan rendah sebagai golongan yang berisiko tinggi untuk menghidap penyakit mental.

Menurut *United Nations Children's Fund* (UNICEF), secara global, 1.8 billion golongan perempuan mengalami haid setiap bulan. Suatu tinjauan yang dilaksanakan oleh *WASH United, World Association of Girl Guides and Girl Scouts* (Waggs) dan UNICEF mendapati terdapat seorang daripada empat orang wanita dalam lingkungan umur 13 hingga 35 tahun menghadapi kesukaran untuk menguruskan haid dan 47% wanita mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan tuala wanita semasa pandemik Covid-19. Bagi menangani isu kemiskinan haid, negeri Selangor merupakan negeri yang pertama memperuntukkan sebanyak RM200,000 untuk menyediakan tuala wanita percuma dan program kesedaran mengenai kemiskinan haid melalui projek Mekar. Namun begitu, projek ini masih dalam fasa percubaan untuk enam (6) bulan bermula pada Ogos 2023 dan mensasarkan hanya 1,000 pelajar di lima (5) buah sekolah di Selangor.

# ASPEK PENAMBAHBAIKAN

Bagi mengurangkan kadar kematian akibat daripada pengetahuan yang kurang untuk memperoleh kemudahan kesihatan yang sewajarnya di kalangan wanita hamil dan golongan wanita terpinggir, program pendidikan kesihatan kepada golongan wanita yang terpinggir wajar dilaksanakan untuk memastikan pengetahuan asas kesihatan golongan wanita ini terjamin. Hebahan maklumat berbentuk faedah-risiko (*cost-benefit*) misalnya dapat membantu mereka membuat keputusan yang tepat berkaitan dengan aspek kesihatan mereka apabila diperlukan.

Penyediaan penjagaan kesihatan yang percuma untuk menangani isu kemiskinan haid, kesihatan mental dan pencegahan penyakit berbahaya dalam kalangan wanita juga harus dilaksanakan untuk memastikan keperluan kesihatan dan kesejahteraan wanita terjamin. Penambahbaikan fasiliti sukan yang mesra wanita dan kanak-kanak pula akan menggalakkan perkembangan kesihatan yang memberansangkan dalam kalangan wanita bagi semua lapisan umur.

Mengikut Statistik Pemerksaan Wanita Dalam Domain Terpilih 2023, jangkaan hayat ketika lahir bagi wanita adalah 76.4 tahun berbanding lelaki 71.5 tahun. Ini bermakna wanita dijangka hidup 4.9 tahun lebih lama berbanding lelaki. Secara keseluruhan, terdapat 1.2 juta atau 7.8% penduduk wanita dalam kumpulan umur 65 tahun ke atas di Malaysia.

Justeru, perkhidmatan sokongan yang bermutu tinggi dan mampu milik serta bantuan kewangan untuk keperluan kesihatan bagi warga emas adalah amat diperlukan. Terutamanya apabila **Malaysia kini sedang menuju sebagai status negara tua menjelang 2030, dengan jangkaan sebanyak 15% rakyatnya adalah dalam kalangan umur 65 tahun dan ke atas (Amri, 2023)**. Pembentukan kerangka ekonomi penjagaan yang komprehensif di negeri Selangor pula dapat memastikan penjagaan warga emas ini terjamin selain memastikan bebanan yang dihadapi ibu bapa dan penjaga yang bekerja dapat dikurangkan. Kerangka ini juga penting untuk memberikan pengiktirafan terhadap kerja-kerja penjagaan yang banyak dilakukan oleh golongan wanita ini sebagai pekerjaan yang profesional dan berbayar, sekaligus menggalakkan kesaksamaan gender dengan membenarkan wanita mengambil bahagian secara lebih aktif dalam tenaga kerja.



# PELAN TINDAKAN

## LANGKAH 1: MEMETAKAN STRATEGI TIGA (3) TAHUN BAGI KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN WANITA SELANGOR

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
1.1 Menjalankan kajian menyeluruh mengenai keadaan kesihatan wanita di Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kajian keberkesanan skim kesihatan sedia ada dalam memastikan capaian kepada wanita di Selangor</li> <li>b. Kajian mengenai keadaan kesihatan wanita di Selangor dilaksanakan dengan memasukkan cadangan – profil wanita termasuklah warga emas, orang kurang upaya, orang asli, kesihatan mental, kanser dan lain-lain</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan dan jenis-jenis isu yang dirangkumkan dalam kajian</li> <li>b. Skop kumpulan sosial disertakan</li> </ul>
1.2 Merangka strategi intervensi bagi isu-isu kesihatan wanita di Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Konsultasi bersama pemegang taruh</li> <li>b. Menghasilkan strategi kesihatan wanita dan disebarikan secara meluas</li> <li>c. Cadangan penambahbaikan dalam strategi dimasukkan sebagai dasar atau program</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan dan jenis pemegang taruh yang dijemput bagi sesi konsultasi</li> <li>b. Penilaian capaian strategi kesihatan wanita</li> </ul>

## LANGKAH 2: MEMADANKAN PERKHIDMATAN DAN FASILITI DENGAN KEPERLUAN KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN WANITA

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
2.1. Meningkatkan akses kumpulan wanita yang paling terdedah (warga emas, kurang upaya, Orang Asli, masalah kesihatan mental) kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menyediakan klinik kesihatan bergerak dan memberi perkhidmatan kepada wanita-wanita mensasarkan lokasi miskin bandar dan luar bandar</li> <li>b. Kemudahan pengangkutan awam yang lebih baik di seluruh negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan wanita dari setiap kumpulan yang menggunakan perkhidmatan penjagaan kesihatan</li> <li>b. Penilaian tahap kesukaran akses wanita terhadap perkhidmatan ini</li> </ul>
2.2. Memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan semasa yang percuma lebih mudah diakses oleh semua wanita termasuk isu kemiskinan haid.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Meningkatkan bilangan hospital yang memberi mammogram</li> <li>b. Memberi bantuan perjalanan untuk memastikan wanita boleh mengakses kepada perkhidmatan yang telah diwujudkan</li> <li>c. Kemudahan pengangkutan awam yang lebih baik di seluruh negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan wanita yang mengetahui tentang inisiatif berkaitan kesihatan wanita di Selangor</li> <li>b. Bilangan wanita yang memanfaatkan inisiatif berkaitan kesihatan wanita di Selangor</li> <li>c. Penilaian pengguna inisiatif berkaitan kesihatan wanita di Selangor</li> </ul>
2.3. Menyediakan ujian <i>Pap Smear</i> percuma untuk semua golongan wanita.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Akses kepada ujian <i>Pap Smear</i> percuma diberikan kepada semua golongan wanita</li> <li>b. Memberi kesedaran mengenai gender sensitif melalui program latihan berterusan</li> <li>c. Butiran peribadi semua wanita yang mengambil ujian ini dirahsiakan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan dan jenis wanita yang mengetahui tentang perkhidmatan ini</li> <li>b. Bilangan wanita belum berkahwin dan wanita muda yang menggunakan perkhidmatan ini</li> <li>c. Bilangan wanita kumpulan lain yang menggunakan perkhidmatan ini</li> </ul>
2.4. Memastikan laluan pengangkutan awam di Selangor meliputi premis kesihatan seperti hospital dan klinik kesihatan.	Kemudahan pengangkutan awam yang lebih baik di seluruh negeri	Bilangan pengangkutan awam disediakan

### LANGKAH 3: MEMPERUNTUKKAN SUMBER PENJAGAAN UNTUK MENYOKONG KESEJAHTERAAN WARGA EMAS TERUTAMANYA WANITA YANG MENUJU POPULASI MENUA (*AGEING POPULATION*)

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
<p>3.1 Meningkatkan bantuan kewangan untuk keperluan kesihatan wanita warga emas – termasuklah kos penjagaan diri, sokongan penjaga dan peralatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Skop Skim Peduli Sihat diperluaskan bagi merangkumi keperluan khusus wanita warga emas</li> <li>b. Faedah baru dihebahkan secara meluas di seluruh negeri untuk mencapai semua kumpulan, dengan tumpuan wanita warga emas</li> <li>c. Wanita warga emas daripada komuniti yang paling terpinggir memohon dan menerima faedah baru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan wanita warga emas yang mengakses kepada manfaat baru</li> <li>b. Jenis wanita warga emas yang mengakses kepada manfaat baru</li> <li>c. Penilaian manfaat faedah bar yang diperkenalkan</li> </ul>
<p>3.2 Menawarkan insentif untuk menubuhkan dan mengendalikan perkhidmatan sokongan untuk warga emas yang berkualiti dan kos yang berpatutan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kajian untuk mengesahkan keperluan utama bagi kesejahteraan wanita warga emas dijalankan</li> <li>b. Mempelawa sektor swasta dan pemain industri yang berkeelayakan dan mempunyai kualiti tinggi sebagai pembekal perkhidmatan</li> <li>c. Syarat-syarat perkhidmatan yang dipersetujui, dilancarkan dan publisiti secara meluas</li> <li>d. Perkhidmatan baru digunakan oleh wanita warga emas daripada komuniti yang paling terpinggir</li> <li>e. Pemantauan dan penilaian kepada perkhidmatan sokongan baru yang dijalankan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan dan jenis perkhidmatan baru yang diperkenalkan</li> <li>b. Bilangan dan kumpulan wanita yang menggunakan perkhidmatan ini</li> <li>c. Penilaian perkhidmatan baru oleh wanita yang menggunakannya</li> </ul>

#### LANGKAH 4: MENAMBAH BAIK HEBAHAN MAKLUMAT KESIHATAN DAN KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN DAN INISIATIF NEGERI SELANGOR

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
<p>4.1 Menjalankan program pendidikan kesihatan kepada golongan wanita paling terpinggir (wanita warga emas, Orang Asli, orang kurang upaya, masalah kesihatan mental)- ini termasuk mengetahui apa dan di mana kemudahan berkaitan disediakan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kandungan program pendidikan kesihatan</li> <li>b. Program dianjurkan untuk Kumpulan sasaran akan dikendalikan oleh kakitangan terlatih</li> <li>c. Sebar luas melalui media sosial dan kempen-kempen di premis kerajaan negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan wanita yang mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang lebih baik mengenai isu-isu kesihatan</li> <li>b. Bilangan wanita yang tahu bagaimana dan di mana untuk mendapatkan pekhidmatan penjagaan kesihatan yang diperlukan</li> </ul>



## LANGKAH 5: MENGGANDAKAN USAHA UNTUK MELIBATKAN WANITA DAN KANAK-KANAK PEREMPUAN DALAM SUKAN DAN AKTIVITI FIZIKAL

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
5.1 Publisiti meluas akan faedah bersukan dan aktiviti fizikal, mensasarkan wanita dan kanak-kanak perempuan di kawasan miskin bandar dan luar bandar	Kempen publisiti yang dijalankan menggunakan media kerajaan dan semua badan-badan yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan wanita yang mendengar tentang manfaat bersenam</li> <li>b. Bilangan wanita yang komited untuk melibatkan diri dalam sukan atau aktiviti fizikal secara tetap</li> </ul>
5.2 Menawarkan sukan dan program rekreasi bagi wanita kurang upaya, wanita warga emas.	Program yang mengambil kira keperluan wanita kurang upaya diperkenalkan dan dijalankan pada masa yang sesuai	Bilangan wanita dan kanak-kanak perempuan kurang upaya yang mengambil bahagian dalam program-program ini
5.3 Menganjurkan satu acara sukan utama tahunan untuk wanita dan kanak-kanak perempuan miskin bandar dan luar bandar di setiap DUN – diikuti program berterusan melalui Pusat wanita Berdaya (PWB).	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Satu acara sukan utama (berdasarkan kepada keperluan masyarakat) diadakan setiap tahun di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri</li> <li>b. Sukan dan program rekreasi yang lebih kecil tetapi tetap ditawarkan kepada masyarakat wanita</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan wanita dan kanak-kanak perempuan miskin bandar / luar bandar yang mengambil bahagian</li> <li>b. Bilangan wanita dan kanak-kanak perempuan miskin bandar / luar bandar yang kembali untuk program susulan</li> </ul>
5.4 Memastikan wanita dan kanak-kanak perempuan boleh mengakses penggunaan ruang awam untuk bersukan dan kemudahan rekreasi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Slot masa yang ditetapkan untuk wanita dan kanak-kanak perempuan mengakses kemudahan ini</li> <li>b. Slot masa yang ditetapkan untuk tempoh wanita dan kanak-kanak perempuan boleh menggunakannya.</li> <li>c. Kemudahan pusat jagaan kanak-kanak disediakan berdekatan pada harga subsidi</li> <li>d. Slot masa tetap diiklankan dan dihebahkan secara meluas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan dan kumpulan wanita yang menggunakan kemudahan sukan dan rekreasi – pecahan mengikut slot masa ditempah dan bukan ditempah</li> <li>b. Bilangan wanita yang menggunakan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak</li> </ul>

The image shows the interior of a bus, specifically a women-only section. Several women are seated on blue seats, some looking at their mobile phones. The bus has a red floor mat with the text 'KOC WANITA SAHAJA' and 'WOMEN ONLY coach' along with an upward-pointing arrow icon. The overall lighting is a warm, reddish-orange hue.

MATLAMAT 6

**MENGGALAKKAN  
PENYEDIAAN PERSEKITARAN  
SELAMAT KEPADA WANITA**

KOC WANITA  
WOMEN ONLY

# KONTEKS

Keganasan Berasaskan Gender (*Gender Based Violence - GBV*) merupakan salah satu pelanggaran hak asasi wanita yang paling besar dan punca utama kepada ketaksamaan gender (*gender inequality*). Keganasan Berasaskan Gender merujuk kepada perbuatan yang berakar umbi dalam norma atau stereotaip gender, melibatkan ancaman keganasan dan paksaan sama ada secara bersemuka atau di atas talian, dan boleh menyebabkan kecederaan fizikal, seksual, emosi, atau psikologi dalam kehidupan peribadi dan awam. Keganasan Berasaskan Gender boleh memberi kesan kepada lelaki mahupun wanita namun bukti dari seluruh dunia menunjukkan bahawa wanita adalah yang paling terkesan akibat GBV. Menurut World Health Organization (WHO), sekurang-kurangnya 1 daripada 3 wanita di seluruh dunia pernah mengalami keganasan berasaskan gender.

Keganasan Berasaskan Gender (GBV) di Malaysia masih pada tahap yang membimbangkan dengan sebanyak 5,050 kes direkodkan sejak Januari hingga Ogos tahun 2023 (Hisham, 2023). Berdasarkan Statistik Jenayah Malaysia 2023, kes keganasan rumah tangga (KRT) bagi seluruh negara telah mencatatkan sebanyak 19,268 kes sejak tahun 2020 sehingga 2022. Manakala bagi kes melibatkan rogol, cabul kehormatan dan gangguan seksual pula, sejumlah 8,146 kes telah dicatatkan pada peringkat nasional bagi tahun yang sama. Selangor kekal menjadi negeri yang mempunyai kes KRT, rogol, cabul kehormatan dan gangguan seksual yang tertinggi, iaitu sebanyak 7,589 kes. Ini menjadikan **Selangor sebagai penyumbang terbesar iaitu sebanyak 27.6% daripada keseluruhan kes KRT, rogol, cabul kehormatan dan gangguan seksual di Malaysia.**

**Jadual 1: Perbandingan kes KRT, Rogol, Cabul Kehormatan dan Gangguan Seksual bagi Malaysia dan Selangor Tahun 2020 - 2022**

Negara/Negeri	Tahun	Keganasan Rumah Tangga (KRT)	Rogol	Cabul Kehormatan	Gangguan Seksual
Malaysia	2020-2022	19,268	4,199	2,586	1,361
Selangor	2020-2022	3,941	936	772	398

(Statistik Jenayah Malaysia 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia)

Mengikut Analisis Keganasan Rumahtangga di Malaysia bagi tahun 2019 dan 2020 yang telah diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kira-kira 90% kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan adalah melibatkan wanita, manakala hanya 10% melibatkan golongan lelaki. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2019 sehingga 2020 untuk menangani wabak pandemik Covid-19 memberikan kesan yang buruk terhadap sekurang-kurangnya 10,981 wanita. Jumlah ini tidak termasuk dengan kes yang tidak dilaporkan kepada KKM atau PDRM.

**Jadual 2: Perbandingan Kes Keganasan Rumah Tangga Pada Tahun 2019 dan 2020 Mengikut Jenis Penderaan Dan Jantina**

Jenis Kes	2019			2020		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Fizikal	558	5258	5816	612	4766	5378
Rogol	0	363	363	0	313	313
Cabul	2	120	122	11	103	114
Liwat	17	12	29	27	25	52
Psikologi	1	11	12	0	10	10

(Analisis Keganasan Rumahtangga di Malaysia Tahun 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021)

Bagi memberikan bantuan kepada mangsa GBV, terdapat beberapa fasiliti atau perkhidmatan yang telah disediakan di peringkat nasional dan negeri Selangor. Salah satunya ialah Pusat Khidmat Bersepadu atau *One Stop Crisis Center* (OSCC) yang telah diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak tahun 1966. Perkhidmatan oleh OSCC ini telah ditambahbaik dari semasa ke semasa, dan **terkini OSCC menyediakan perkhidmatan khusus untuk mangsa keganasan rumah tangga, penganiayaan kanak-kanak dan kes serangan seksual di 129 buah Hospital KKM di seluruh Malaysia.** Selain itu, Talian Kasih yang merupakan talian bebas tol beroperasi 24 jam setiap hari juga telah diwujudkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, pembuangan bayi, perkhidmatan kesihatan reproduktif dan masalah sosial remaja.

Kerajaan Negeri melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS) juga telah mewujudkan talian SELamat yang mula beroperasi sejak 1 November 2021 sehingga April 2024. **Talian SELamat merupakan sistem sokongan khusus bagi aduan keganasan rumah tangga yang berlaku di negeri Selangor.** Sejak pengoperasani Talian SELamat sehingga Mac 2024, sebanyak 60.8% iaitu 79 daripada 125 keseluruhan panggilan yang diterima adalah membabitkan aduan keganasan rumah tangga. Selain itu, program-program advokasi keganasan berasaskan gender juga giat dijalankan bersama komuniti melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB).



# CABARAN



Sewaktu pelaksanaan PKP pada tahun 2019 sehingga 2020, terdapat peningkatan empat kali ganda jumlah panggilan mengenai keganasan rumah tangga yang telah diterima oleh *Women's Aid Organisation* (Bernama, 2020). Peningkatan kes KRT ini diiktiraf secara global dengan gesaan oleh Setiausaha PBB yang menyeru kerajaan untuk menjadikan pencegahan GBV sebagai komponen yang penting dalam tindak balas kerajaan semasa Pandemik Covid-19 (Tengku, 2021). Namun begitu, Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dikeluarkan tidak memberikan perincian yang jelas mengenai cara untuk menangani isu KRT sewaktu pandemik Covid-19. PPN hanya menjelaskan prosedur operasi standard (SOP) bagi setiap sektor untuk beroperasi sewaktu pandemik Covid-19. Kegagalan dalam memberikan perincian yang jelas terhadap isu KRT ini mengakibatkan keperluan mangsa tidak diberikan pertimbangan yang sewajarnya apabila sesuatu bencana atau wabak berlaku di Malaysia. Walaupun Malaysia telah membangunkan instrumen undang-undang untuk melindungi mangsa keganasan rumah tangga dengan lebih baik melalui Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2018, akta tersebut masih belum merangkumi tindakan undang-undang yang menyeluruh dalam menyediakan perlindungan kepada mangsa semasa wabak atau bencana berlaku.

**Akta Antigangguan Seksual 2022 yang dinanti-nantikan telah diluluskan di Dewan Rakyat pada Julai 2022 dan diwartakan pada Oktober 2022. Akta tersebut dikuatkuasakan secara berperingkat bermula Mac 2023.** Tribunal Anti Gangguan Seksual pula telah ditubuhkan untuk menambah baik sistem perundangan dan pengendalian aduan gangguan seksual dengan lebih pantas dan mudah dengan kos yang minimum (Kawi, 2024). Meskipun akta ini sedang dikuatkuasakan secara berperingkat, masih terlalu awal untuk melihat keberkesanan pelaksanaan Akta Antigangguan Seksual 2022 ini dengan penubuhan Tribunal Anti Gangguan Seksual yang baru diwujudkan pada Januari 2024.

## ASPEK PENAMBAHBAIKAN

Penilaian terhadap perkhidmatan sokongan harus dilakukan bagi memastikan sokongan yang diberikan memberikan impak yang positif dan berkesan terhadap mangsa/pemandiri GBV dan KRT. Program pencegahan yang memberi kesedaran dan kefahaman juga harus diteruskan dengan penglibatan kumpulan sasaran yang lebih luas meliputi golongan wanita mahupun lelaki terdiri daripada pelbagai peringkat umur, memandangkan kesedaran terhadap GBV harus diterapkan kepada golongan lelaki yang menjadi 90% pelaku GBV, disamping memupuk kesedaran serta kefahaman awal di kalangan generasi muda.

Di Selangor, sebanyak 2,106 kes dilaporkan berkaitan dengan rogol, cabul kehormatan dan gangguan seksual dari tahun 2020 sehingga 2022 (Statistik Jenayah Malaysia, 2023). Keperluan untuk penyediaan persekitaran yang selamat bagi golongan wanita adalah amat penting dalam memastikan perlindungan yang berterusan tidak kira sama ada golongan wanita yang berada di dalam atau di luar rumah. Penyediaan prasarana seperti '*women-only coach*' di tren kawasan Lembah Klang merupakan salah satu strategi yang berkesan untuk menyediakan suasana yang kondusif bagi golongan wanita di tempat awam. Namun begitu, usaha-usaha untuk penyediaan prasarana yang lebih selamat seperti menyediakan laluan alternatif yang selamat dan terang di kawasan terpencil di sekitar negeri Selangor harus terus digiatkan bagi membanteras segala bentuk GBV. Dengan demikian, pelan tindakan secara bersepadu yang memerlukan kerjasama pelbagai pihak terutamanya Kerajaan Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) harus digembleng serta dijayakan dalam memastikan matlamat ini tercapai.



# PELAN TINDAKAN

## LANGKAH 1: MENGGANDAKAN USAHA UNTUK MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG ASPEK KEGANASAN BERASASKAN GENDER (*GENDER-BASED VIOLENCE - GBV*)

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
1.1. Memperhebatkan kempen di seluruh negeri mengenai GBV yang menggunakan pelbagai medium untuk menyebarkan mesej yang berkaitan - ini termasuk penglibatan agensi-agensi peringkat negeri yang berbeza untuk mempromosikan mesej anti-GBV.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Personaliti awam (ahli politik, artis, tokoh sukan) khususnya lelaki bersuara menentang GBV termasuk berikrar untuk mengambil pendirian terhadap ini.</li> <li>b. Kempen (media, pameran bergerak, gerai pameran) untuk mendekati semua sektor penduduk - janji yang diambil dari personaliti awam adalah sebahagian daripada bahan yang dihasilkan untuk kempen.</li> <li>c. Bahan menggambarkan peranan bukan stereotaip gender dipamerkan di agensi-agensi kerajaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan kempen yang dijalankan</li> <li>b. Bilangan janji yang diambil dari personaliti awam</li> <li>c. Bilangan agensi kerajaan negeri yang mempamerkan peranan bukan stereotaip gender</li> <li>d. Kumpulan audien yang dicapai</li> <li>e. Keberkesanan mesej kempen</li> </ul>
1.2. Menjalankan bengkel di semua kawasan Dewan Undangan Negeri untuk meningkatkan kesedaran pemuda dan kanak-kanak lelaki (iaitu potensi pelaku) tentang GBV dan peranan mereka dalam isu ini.	Badan-badan masyarakat yang berbeza (cth JKKK) dan NGO bekerjasama dengan kerajaan negeri Selangor untuk menganjurkan bengkel ini.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Jumlah kawasan Dewan Undangan Negeri yang berjalan bengkel, dan berapa ramai yang hadir.</li> <li>b. Penilaian perubahan kualitatif yang timbul daripada bengkel ini.</li> </ul>
1.3. Menyebarkan maklumat mengenai bagaimana wanita boleh mendapatkan akses keadilan dan khidmat yang berkaitan jika mereka mengalami keganasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Poster dengan maklumat yang relevan diletakkan di tandas wanita di semua bangunan kerajaan.</li> <li>b. Risalah diedarkan di tempat-tempat awam yang sering dikunjungi wanita (cth. pasar raya, pasar tani)</li> <li>c. Maklumat yang sama dikongsi secara elektronik (cth. platform media sosial yang sering digunakan oleh wanita, online portal negeri).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan tandas wanita dengan poster ini meletakkan</li> <li>b. Bilangan dan lokasi tempat-tempat awam di mana risalah diedarkan</li> <li>c. Penyiasatan wanita yang lebih sedar tentang bagaimana untuk mengakses keadilan, mendapatkan khidmat berkaitan untuk wanita yang mengalami keganasan</li> </ul>



## LANGKAH 2: MENINGKATKAN PENGLIBATAN KUMPULAN SASARAN DALAM INISIATIF PENCEGAHAN TERHADAP KEGANASAN BERASASKAN GENDER (*GENDER-BASED VIOLENCE - GBV*)

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
2.1. Mengadakan dialog dan libatulus dengan masyarakat mengenai hak kanak-kanak perempuan dan wanita untuk hidup bebas daripada keganasan; mengurangkan toleransi GBV; dan kesan jangka panjang GBV pada mangsa dan keluarga.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Sekurang-kurangnya satu komuniti bagi setiap DUN dikenal pasti, pihak berkepentingan utama untuk dijemput dikenal pasti.</li> <li>b. Bengkel OST untuk memfasilitasi dialog dan menggalakkan komuniti kepada menyelesaikan masalah berkaitan GBV</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan dialog yang diadakan</li> <li>b. Bilangan penyelesaian yang dicadangkan oleh komuniti yang boleh diguna pakai untuk tindakan lanjut</li> </ul>
2.2. Mengenal pasti dan melatih pasukan pemimpin akar umbi /komuniti untuk merancang program anti-GBV dalam komuniti mereka – menyokong mereka dalam menjalankan program-program ini.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kumpulan jurulatih daripada kalangan pemimpin akar umbi dibentuk</li> <li>b. Setempat program anti-GBV dikonsepskan dan dilaksanakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan program pencegahan setempat diperkenalkan</li> <li>b. Bilangan lelaki, wanita, kanak-kanak lelaki, kanak-kanak perempuan yang dicapai oleh inisiatif</li> <li>c. Keberkesanan program</li> </ul>
2.3. Menyokong kempen yang dibuat oleh golongan muda lelaki yang menentang GBV, dengan Kerjasama Kumpulan wanita, secara terang untuk membanteras tanggapan patriarki yang menyokong GBV.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kumpulan atau individu pemuda yang menunjukkan keupayaan menjalankan kempen ini dan kumpulan wanita yang mempunyai kepakaran dalam menyokong mereka dikenal pasti.</li> <li>b. Kempen yang dijalankan oleh pemuda menonjolkan hubungan antara GBV dan patriarki dijalankan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan kempen yang dijalankan</li> <li>b. Bilangan pemuda dan kanak-kanak lelaki yang dicapai dengan kempen ini</li> <li>c. Keberkesanan mesej kempen (contoh apa jenis perubahan dalam pemikiran yang berlaku?)</li> </ul>

### LANGKAH 3: KEBERKESANAN PERKHIDMATAN SOKONGAN TERHADAP MANGSA KEGANASAN BERASASKAN GENDER (GENDER-BASED VIOLENCE - GBV) SENTIASA DIPERTINGKATKAN

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
<p>3.1. Menjalankan kajian bagi menilai keberkesanan perkhidmatan di peringkat negeri Selangor bagi mangsa GBV dan mengenal pasti jurang dan halangan yang menyekat mereka daripada mendapatkan keadilan.</p>	<p>a. Input daripada semua pihak berkepentingan yang berkenaan dapatan kajian ini.</p> <p>b. Kajian dijalankan dan satu set cadangan penambahbaikan disusun.</p>	<p>a. Bilangan dan jenis cadangan diambil kira oleh pihak berkuasa yang berkaitan</p> <p>b. Penilaian bagaimana ia digunakan untuk memaklumkan langkah seterusnya</p>
<p>3.2. Mengembangkan latihan kepekaan gender yang melibatkan pelbagai sektor dan agensi-agensi dilaksanakan ke atas semua penguatkuasa, pegawai mahkamah dan pembekal perkhidmatan termasuk NGO.</p>	<p>a. Laporan perundingan yang mendokumenkan perbincangan, cabaran yang dikenal pasti dan cadangan untuk menambah baik perkhidmatan yang ditawarkan kepada mangsa GBV, dihasilkan.</p> <p>b. Latihan keganasan rumah tangga, Garispanduan Pengendalian Kes Keganasan Rumahtangga yang diterbitkan KPWKM dimanfaatkan; bagi isu GBV yang lain, modul latihan dan jurulatih yang sesuai dilibatkan.</p>	<p>a. Bilangan pembekal perkhidmatan dengan keupayaan untuk mempengaruhi atau membuat keputusan mengenai dasar-dasar mengambil bahagian dalam perundingan</p> <p>b. Penilaian cadangan yang dibuat</p> <p>c. Pegawai penguatkuasa dan pembekal perkhidmatan terlatih</p> <p>d. Ulasan kritikal perkhidmatan yang disediakan selepas latihan</p>
<p>3.3. Maklumat dan data tentang khidmat sedia ada termasuklah rumah perlindungan dan klinik undang- undang.</p> <p>a. Direktori rumah perlindungan untuk mangsa GBV seluruh Selangor yang dikendalikan oleh kerajaan persekutuan dan negeri, NGO, korporat atau orang persendirian;</p> <p>b. Mengumpul maklumat dan data tentang penghuni dan kes yang terbabit</p>	<p>a. Dana yang mencukupi untuk menyokong langkah ini diperuntukkan.</p> <p>b. Rumah perlindungan dan transit yang mudah akses disediakan.</p> <p>c. Klinik undang-undang dan kaunseling bergerak untuk wanita beroperasi di setiap DUN di negeri ini.</p>	<p>a. Bilangan pusat perlindungan dan perumahan transit wanita yang mudah akses dan selamat</p> <p>b. Bilangan klinik undang-undang dan kaunseling bergerak untuk wanita</p> <p>c. Bilangan orang yang mendapat faedah daripada peningkatan bilangan perkhidmatan yang disediakan</p>

#### LANGKAH 4: MENYEDIAKAN TEMPAT AWAM YANG LEBIH SELAMAT UNTUK WANITA

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
4.1. Meningkatkan dan menambahbaik prasarana serta kemudahan untuk mewujudkan persekitaran yang selamat untuk wanita.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tiga lokasi yang mempunyai kadar rogol/gangguan seksual / ragut yang tinggi dikenal pasti sebagai kawasan perintis.</li> <li>b. Perbincangan dengan kumpulan persatuan penduduk / komuniti tempatan / NGO wanita terhadap pemberian lampu tambahan ini dijalankan.</li> <li>c. Lampu jalan dan lampu di taman-taman di kawasan perintis ditambah baik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penilaian keberkesanan meningkat pencahayaan dalam mewujudkan ruang awam yang lebih selamat untuk wanita di kawasan rintis</li> </ul>
4.2. Menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang mencukupi, selamat dan mempunyai ketersambungan ( <i>connectivity</i> ) supaya wanita boleh melakukan perjalanan dengan selamat pada setiap masa, terutamanya pada waktu malam.	Perkhidmatan pengangkutan awam yang ditambah baik diperkenalkan di lima lokasi perintis.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bilangan inisiatif baru yang membolehkan wanita untuk melakukan perjalanan dengan selamat pada waktu malam</li> <li>b. Penilaian perkhidmatan pengangkutan awam bertambah baik</li> </ul>
4.3. Membina, melebarkan laluan pejalan kaki di ruang awam	Laluan pejalan kaki dibina atau dilebarkan sekurang-kurangnya di lima lokasi perintis.	Kebaikan laluan pejalan kaki yang ditambah baik di ruang awam

**MATLAMAT 7**

**MEMUPUK BAKAT KREATIF,  
BUDAYA DIGITALISASI DAN  
INOVASI**



## KONTEKS

Industri kreatif digital di Malaysia merekodkan RM 1 bilion dalam eksport merentasi 120 pasaran dan wilayah pada tahun 2022, dan sektor tersebut berkembang pada tahap 8% setiap tahun. Malaysia juga mempunyai lebih 300 studio yang terlibat dalam bidang animasi, permainan, filem dan teknologi kreatif, dengan 20 studio baharu ditubuhkan setiap tahun (Menteri Digital Gobind Singh Deo, *Star Online*, 2024).

Di peringkat negeri Selangor, melalui belanjawan 2024, ekonomi kreatif akan dijadikan sebagai nilai tambah bagi Selangor International Business Summit (SIBS) yang ke-8. SIBS berpotensi untuk meraih transaksi berjumlah RM 4.9 bilion dan RM 20 juta akan diperuntukkan untuk penganjuran SIBS. **Dana sebanyak RM1 juta juga telah diperuntukkan untuk menggalakkan perkembangan ekonomi kreatif dan ini termasuklah penglibatan golongan wanita di mana bajet sebanyak RM 3.3 juta diberikan untuk melahirkan usahawan wanita dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi kreatif dan digital.** RM13.85 juta juga telah diperuntukkan bagi Program IKTISASS untuk melahirkan tenaga kerja mahir dalam pelbagai industri IR4.0.

Meskipun terdapat perkembangan yang positif dan usaha yang berterusan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam industri kreatif dan digital, penglibatan wanita sebagai tenaga kerja dalam industri melibatkan pendigitalan hanya pada tahap 35% sahaja (Bernama, 2024). Mengetahui akan kekurangan penyertaan dalam kalangan wanita bagi industri digital, tema "DigitALL: Inovasi dan teknologi untuk kesaksamaan jantungina" telah dipilih oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi Hari Wanita Antarabangsa 2023 (UNCTAD, 2023). Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) juga pada tahun 2020, telah memberikan fokus tentang jurang jantungina digital buat kali pertama melalui Sesi Khas mengenai Pemerksaan Wanita dalam Era Digital sewaktu Jawatankuasa Hak Asasi Manusia ASEAN 2020 (Ajmone Marsan & Sey, 2021).



**Bagi memacu ekonomi kreatif pula, Kerajaan Negeri merancang untuk menambah nilai kepada penggiat industri kreatif yang semakin luas, seperti seni reka bentuk, pereka fesyen, karyawan, pemuzik, serta bidang berkaitan. Industri ekonomi kreatif juga ada ruang untuk diteroka bagi mengembangkan peluang meningkatkan nilai seni budaya dan warisan budaya supaya kekuatan Selangor yang mempunyai pelbagai budaya dapat dijadikan nilai unik yang dapat menjadi tarikan di rantau Asia Tenggara."**

(Menteri Besar Selangor, Teks Ucapan Belanjawan Selangor 2024)

# CABARAN

Berdasarkan Laporan Kemajuan SDG – Ringkasan Gender 2022 yang diterbitkan oleh PBB, kurangnya penglibatan wanita daripada dunia digital telah mengurangkan AS\$1 trilion daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara berpendapatan rendah dan sederhana dalam dekad yang lalu. Kerugian ini akan meningkat kepada AS\$1.5 trilion menjelang 2025 jika tiada tindakan diambil untuk menggalakkan wanita menceburi industri digital.

Secara global, wanita kekal menjadi minoriti pelajar dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) iaitu sebanyak 35%, dan hanya 3% wanita mempelajari bidang maklumat dan teknologi komunikasi. Wanita juga membentuk hanya 19.9% dalam profesion bidang STEM. Persekitaran kerja yang tidak fleksibel dan eksklusif kepada lelaki, menjadikan bidang tersebut kurang menarik kepada wanita.

Bagi industri kreatif pula, di Malaysia, **walaupun penglibatan wanita dalam bidang produksi media kreatif semakin meningkat, namun Pemerksaan Wanita Muslim: Kajian Industri Media Kreatif di Malaysia (2022) mendapati bahawa terdapat isu eksploitasi, ketidakstabilan kerja dan stigma yang negatif terhadap wanita yang bekerja di dalam industri media kreatif.** Waktu bekerja yang panjang dan tidak menentu, ketidakstabilan dalam pekerjaan dengan bayaran upah yang rendah serta persepsi dan stigma daripada keluarga, masyarakat dan rakan sekerja mematahkan semangat wanita untuk terus bekerja dalam industri kreatif, lebih-lebih lagi apabila mereka sudah berkeluarga.

Melalui Kerajaan Persekutuan dan Negeri pula, tiada penekanan atau penumpuan yang jelas tentang langkah-langkah yang wajar dilakukan atau perancangan masa depan atau pelan tindakan untuk meningkatkan penyertaan golongan wanita dalam bidang STEM. Usaha-usaha untuk menyediakan ruang digital yang lebih selamat untuk wanita juga tidak diberi garis panduan meskipun kajian yang dilaksanakan oleh PBB ke atas 51 negara mendedahkan figura yang membimbangkan, iaitu sebanyak 38% wanita pernah mengalami keganasan atas talian (*UN Women Headquarters, 2022*).



## ASPEK PENAMBAHBAIKAN

Selari dengan pembangunan revolusi industri IR4.0, pendedahan kemahiran berkaitan STEM kepada wanita, program berbentuk galakan bagi wanita untuk menyertai bidang digital serta inisiatif untuk menyokong usahawan wanita dan pemula dalam teknologi digital harus terus giat dilaksanakan bagi mengurangkan jurang gender dalam industri digital. Penglibatan atau kolaborasi bersama syarikat-syarikat teknologi tempatan misalnya, mampu memberikan pendedahan yang positif kepada golongan perempuan, tidak kira di alam pembelajaran mahupun di alam pekerjaan.

Transformasi budaya dengan galakan kepada pelajar untuk menyertai industri kreatif seperti penulisan, perfileman, animasi dan sebagainya juga dapat menjamin bidang seni dan kebudayaan terus mekar dan terpelihara. Selain itu, dasar berkaitan penambahbaikan suasana kerja dalam industri kreatif serta usaha-usaha untuk memasarkan karya seni golongan wanita harus diperbanyakkan bagi meningkatkan keterlihatan (*visibility*) golongan wanita di dalam industri seni dan budaya yang masih didominasi oleh golongan lelaki.



# PELAN TINDAKAN

## LANGKAH 1: PEMBERDAYAAN WANITA DALAM DIGITALISASI DAN INOVASI

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
1.1 Memupuk kesedaran kanak-kanak perempuan dalam bidang STEM melalui ibu bapa yang hadir di program wanita & keluarga di Selangor.	Program mentor-mentee untuk membina kemahiran dan rangkaian.	Bilangan wanita yang terlibat dengan program mentor-mentee
1.2 Menambah komponen dan elemen <i>Artificial Intelligence</i> (AI) ke dalam modul program wanita & keluarga.	Dana Usahanita Digital Muda diperuntukkan	500 wanita dilatih

## LANGKAH 2: MERAIKAN BAKAT WANITA SENI SELANGOR

TINDAKAN	PENYAMPAIAN	PETUNJUK
2.1 Memastikan wanita boleh menyertai dan mendapat manfaat daripada program-program seni yang dimulakan merangkumi elemen inovasi & reka cipta, warisan dan budaya.	Program seni wanita dijalankan	Jumlah peserta yang terlibat
2.2 Memperuntukkan dana bagi program hasil karya seni wanita.	Dana diperuntukkan	Jumlah penerima manfaat dana
2.3 Membantu memasarkan produk artis dan usahanita melalui platform digital dan peluang perniagaan.	Pemasaran produk seni wanita	Jumlah produk





**JAWATANKUASA TETAP PEMBERDAYAAN WANITA & KELUARGA, KEBAJIKAN  
MASYARAKAT DAN EKONOMI PENJAGAAN (CARE ECONOMY) NEGERI SELANGOR**

Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



**WANITA BERDAYA SELANGOR (WBS) SDN. BHD.**

IDCC Ideal Convention Centre Shah Alam  
Level G30, Jalan Pahat L 15/L,  
Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



**IMBAS KOD QR UNTUK MUAT  
TURUN BUKU DASAR &  
PELAN TINDAKAN WANITA  
SELANGOR 2024-2026**



#KitaSelangor



@wanitaberdayaselangor



[www.wbselangor.com.my](http://www.wbselangor.com.my)



03-5545 4879